KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

e-Buletin

Diterbitkan sejak 1932 ماجوتن

# MAJUTAN

Edisi Julai - Disember 2024 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my




## MYPARKS 2023: PAHANG BERBANGGA MOSSY FOREST DAN TAMAN NEGERI ROMPIN DIIKTIRAF




## KUNJUNGAN HORMAT MALAYSIA *FOREST FUND* KEPADA KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



## DATA SISTEMATIK MENJAMIN KELESTARIAN ALAM SEKITAR : MAJLIS PERASMIAN BANCI PERTANIAN 2024 KLUSTER PERHUTANAN

# BULETIN MAJUTAN 2024

# JULAI-DISEMBER

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2024

## PENASIHAT

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

## PENGERUSI

YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
(Dasar dan Perancangan)

## KETUA PENGARANG

Muhamad bin Abdullah
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan
Ekonomi Hutan

### Jawatankuasa Majutan 2024

- Pn. Nor Halizah binti Abd Halim
- Pn. Nur Ainina Khairunnisa binti Othman
- En. Mohd Shafiq bin Abdul Latif @ Ismail
- En. Leonardo Kelly bin Maluni

### Wakil Jawatankuasa Negeri

- Pn. Norfazilawati binti Jauhari (JPN Johor)
- Pn. Razlina Ermi binti Rejab (JPN Kelantan)
- En. Mohd Shahril Nizam bin Mat Ali (JPN Melaka)
- Pn. Sanja a/p Boon Kong (JPN Pulau Pinang)
- Pn. Siti Syafiqah binti Yusuf (JPN Selangor)
- Pn. Rafizah binti Minhat (JPN Negeri Sembilan)
- Pn. Fatin Afiqah binti Roslan (JPN Kedah)
- Pn. Fadhilah binti Mohamad (JPN Perlis)
- Pn. Norisah Jiling (JP Wilayah Persekutuan)
- Pn. Siti Khatijah binti Othman (JPN Terengganu)
- En. Muhammad Asyraf bin Zainul (JPN Perak)
- Pn. Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin (JPN Pahang)

## Kata Alu-aluan Ketua Pengarang



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, dengan keizinan-Nya, e-buletin MAJUTAN Edisi Julai - Disember 2024 dapat disiapkan dan diterbitkan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan e-buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JPSM yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan e-buletin ini adalah penting sebagai salah satu platform bagi perkongsian aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPSM, JPN dan Persatuan di JPSM. Pada tahun ini, terdapat banyak aktiviti utama telah dijalankan antaranya adalah MyParks 2023: Pahang berbangga Mossy Forest dan Taman Negeri Rompin Diiktiraf, Kunjungan Hormat Malaysia *Forest Fund* Kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Data Sistematik Menjamin Kelestarian Alam Sekitar : Majlis Perasmian Banci Pertanian 2024 Kluster Perhutanan serta aktiviti-aktiviti lain.

Akhir kata sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya selaras dengan visi serta misi jabatan untuk menjadi sebuah agensi yang terunggul sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

### Wakil Jawatankuasa Bahagian/Unit/Persatuan

- Pn. Nor Izzati binti Othman (BPE)
- Pn. Nor Hidayu binti Abdul Razak (BUH)
- Pn. Nabilah Hamidah binti Sabar (BSB)
- En. Ts. Mohammad Ilman bin Mahamad Amir (BTK)
- Pn. Suhana binti Bebakar (BLH)
- Pn. Sharifah Amira binti Salim (BLP)
- Pn. Siti Marwiyah binti Abu Bakar (BPK)
- Pn. Che Engku Nor Amiza binti Engku Chik (BEP)
- Pn. Weldah binti Mulie (BKP)
- En. Mohd Suruzee bin Yaakub (BKH)
- En. Mohd Zarin bin Ramlan (BPP)
- Pn. Jennifer anak Francis (BHA)
- En. Mohamad Shahril bin Zulkifli (BPM)
- Pn. Alisah binti Simin (UKKPA)
- Pn. Maziah binti Kamaruzaman (UIP)
- Pn. Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)
- En. Mohd Faris bin Sobri (PKSIP)

# JPN PAHANG

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 5 HINGGA 7 JULAI 2024 | AGIHAN ANAK POKOK PERCUMA TARIK PERHATIAN PENGUNJUNG PROGRAM MADANI RAKYAT |
| 2 | 30 JULAI 2024 | MALIM GUNUNG - JPNP PROGRAM KONSERVASI DENAI PENDAKIAN GUNUNG IRAU DI CAMERON HIGHLANDS |
| 3 | 29 OGOS 2024 | MAJLIS PENYERAHAN TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN *ECOTOURISM* RAFFLESIA DI TAMAN EKO-RIMBA (TER) LATA JARUM, RAUB |
| 4 | 22 HINGGA 27 SEPTEMBER 2024 | TINDAKAN TEGAS JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG PERANGI PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN DI CAMERON HIGHLANDS |
| 5 | 24 HINGGA 26 OKTOBER 2024 | "OPS TRANSIT" KUKUHKAN PENGUATKUASAAN DI PAHANG DAN NEGERI SEMBILAN |
| 6 | 5 HINGGA 8 NOVEMBER 2024 | OPERASI BERSEPADU: MEMASTIKAN PEMATUHAN INDUSTRI BERASAS KAYU DI NEGERI PAHANG |
| 7 | 14 NOVEMBER 2022 | PROGRAM PRA PENANAMAN TINGKATKAN KESEDARAN PEMELIHARAAN ALAM SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA |
| 8 | 22 NOVEMBER 2024 | KERJASAMA STRATEGIK PERBADANAN STADIUM MALAYSIA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DEMI KELESTARIAN ALAM |
| 9 | 28 NOVEMBER 2024 | MYPARKS AWARDS 2023: PAHANG BERBANGGA MOSSY FOREST DAN TAMAN NEGERI ROMPIN DIIKTIRAF |

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 10 | 16 DISEMBER 2024 | TANGGUNGJAWAB SOSIAL: MEMUPUK HIJAU DEMI GENERASI AKAN DATANG |
| 11 | 29 DISEMBER 2024 | PERTANDINGAN BOLING PIALA KPPSM: PAHANG TAMBAH PIALA KEJUARAAN |

## AGIHAN ANAK POKOK PERCUMA TARIK PERHATIAN PENGUNJUNG PROGRAM MADANI RAKYAT

Disediakan oleh: Nur Hazimah binti Mohamad Abiah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**KUANTAN, 5 HINGGA 7 JULAI 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah berpeluang menjayakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dengan mengadakan agihan anak pokok buah secara percuma di Dataran Sayangi Kuantan, Kuantan sempena Program Madani Rakyat (PMR) Tahun 2024 Peringkat Zon Timur.

Sebanyak 500 anak pokok Durian, Mangga, Machang, Kuini, Sentul, Petai dan lain-lain pokok buah-buahan tempatan telah diagihkan kepada pengunjung yang mengunjungi khemah JPNP sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Di samping itu, cenderamata juga turut diberikan kepada pengunjung yang mendaftar Aplikasi Penghijauan Malaysia.

Program yang dilaksanakan ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pengunjung dan berjaya mendaftarkan ramai pengguna Aplikasi Penghijauan Malaysia.



Pengunjung gembira menerima pokok daripada JPNP



Khemah edaran anak pokok percuma JPNP



Kakitangan JPNP yang terlibat sepanjang program berlangsung



Edaran pokok percuma oleh JPNP di reruai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam



Pemberian cenderahati bagi yang mendaftar Aplikasi Penghijauan Malaysia

**MALIM GUNUNG - JPNP PROGRAM KONSERVASI DENAI PENDAKIAN GUNUNG IRAU DI CAMERON HIGHLANDS**

Disediakan oleh: Arifhadi bin Johari Affandi
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**CAMERON HIGHLANDS, 30 JULAI 2024**

Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands dengan sokongan Malim Gunung Perhutanan telah berjaya melaksanakan Program Konservasi Denai Pendakian Gunung Irau melalui laluan Mossy Forest pada 30 Julai 2024.

Seramai 15 peserta dari Malim Gunung Perhutanan berganding bahu dalam memastikan laluan pendakian berada dalam keadaan terbaik dan selamat. Antara aktiviti utama program ini adalah meletakkan sabut kelapa di kawasan berlumpur untuk mengatasi lopak yang sering menghalang pendaki. Langkah ini bukan sahaja memudahkan pergerakan tetapi juga mengelakkan pembukaan laluan baru yang boleh merosakkan habitat semula jadi.

Selain itu, dahan-dahan yang jatuh dan menghalang laluan telah dibersihkan demi keselamatan para pendaki. Usaha ini merupakan langkah penting dalam mengekalkan keindahan serta kelestarian kawasan pendakian.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan untuk memastikan Denai Pendakian Cameron Highlands sentiasa terpelihara dan selamat untuk semua.





Peserta program meletakkan sabut kelapa di laluan berisiko dan membersihkan kawasan denai pendakian



Peserta program memastikan denai pendakian berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan

**MAJLIS PENYERAHAN TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN *ECOTOURISM* RAFFLESIA DI TAMAN EKO-RIMBA (TER) LATA JARUM, RAUB**

Disediakan oleh: Nur Hazimah binti Mohamad Abiah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**RAUB, 29 OGOS 2024**

Majlis Penyerahan Tapak Projek Pembangunan *Ecotourism* Rafflesia yang bertempat di Taman Eko Rimba (TER) Lata Jarum, Raub. Projek pembangunan ini dilaksanakan dengan matlamat untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan mempromosikan eko-pelancongan di kawasan tersebut. Projek ini merangkumi pembinaan *boardwalk*, pagar keselamatan dan mercu tanda *Ecotourism* Rafflesia selain usaha pemeliharaan kawasan *High Conservation Value Forest* (HCVF) di Hutan Simpan Gunung Benum yang berhampiran dengan TER Lata Jarum.

Projek ini dijalankan dengan mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Ia telah dimulakan pada 3 November 2022 dan berjaya disiapkan sepenuhnya pada 26 Julai 2024.

Majlis penyerahan tapak projek ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan MOTAC, YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot. Turut hadir ialah Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang, YBhg. Dato' Ir. Ts Hafizah binti Zakaria serta Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr. Grippin anak Akeng.

Projek ini diharap akan meningkatkan daya tarikan TER Lata Jarum sebagai destinasi ekopelancongan unggul disamping memastikan kawasan HCVF berdekatan terus dipelihara dengan baik. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong pelancongan mampan tetapi juga memelihara biodiversiti yang unik di kawasan tersebut.



Pegawai daripada MOTAC, JKR Negeri Pahang dan JPNP bergambar kenangan di mercu tanda TER Lata Jarum, Raub





Majlis menandatangani Penyerahan Tapak Projek Pembangunan *Ecotourism* Rafflesia antara MOTAC dengan JPNP

**TINDAKAN TEGAS JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG PERANGI PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN DI CAMERON HIGHLANDS**

Disediakan oleh: Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**CAMERON HIGHLANDS, 22 HINGGA 27 SEPTEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah mengambil tindakan tegas dengan memusnahkan kebun sayur yang ditanam secara haram di kawasan hutan simpan di Cameron Highlands. Sebanyak 16.98 hektar kawasan yang melibatkan empat (4) hutan simpan telah terjejas akibat aktiviti pencerobohan ini. Operasi pemusnahan bersepadu yang berlangsung selama lima (5) hari ini melibatkan penyertaan 148 anggota daripada pelbagai agensi penguat kuasa seperti Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Imigresen Negeri Pahang, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands serta Jabatan Kerja Raya (JKR).

Operasi ini meliputi empat (4) kawasan hutan simpan utama iaitu Hutan Simpan Sungai Ichat seluas 0.9 hektar, Hutan Simpan Batu Gangan (1.22 hektar), Hutan Simpan Mentigi (5.7 hektar) dan Hutan Simpan Bertam (9.16 hektar). Selain tanaman sayur yang diusahakan secara haram, pihak berkuasa turut memusnahkan 20 binaan yang terdiri daripada rumah kongsi, pondok, stor simpanan baja dan rumah plastik. Aktiviti pencerobohan ini dipercayai didalangi oleh penduduk tempatan yang mengambil pekerja warga asing sebagai buruh pertanian sepenuh masa.

Tindakan yang diambil oleh JPNP adalah selaras dengan peruntukan undang-undang mengikut Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang memperuntukkan hukuman ke atas mana-mana pihak yang didapati menceroboh kawasan hutan simpan. Langkah ini penting untuk memastikan hutan simpanan kekal dilindungi demi kelestarian ekosistem dan keseimbangan alam semula jadi di Cameron Highlands.

JPNP berharap tindakan tegas ini dapat menjadi pengajaran kepada semua pihak agar tidak sewenang-wenangnya menceroboh kawasan hutan simpan yang merupakan khazanah negara. Usaha ini juga diharapkan dapat memulihkan kawasan hutan simpan yang terjejas serta mengelakkan kerosakan alam sekitar daripada terus berlaku.






Kerja-kerja memusnahkan binaan haram dalam kawasan hutan simpan





Kerja-kerja memusnahkan tanaman sayur-sayuran dalam kawasan hutan simpan

## “OPS TRANSIT” KUKUHKAN PENGUATKUASAAN DI PAHANG DAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Shahril bin Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**KUANTAN, 24 HINGGA 26 OKTOBER 2024**

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu “Ops Transit” yang melibatkan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS) telah berjaya dilaksanakan pada 24 hingga 26 Oktober 2024. Operasi ini merangkumi kawasan Daerah Bentong, Temerloh dan Bera di Pahang serta Daerah Jelebu di Negeri Sembilan. Seramai 90 pegawai dan kakitangan daripada JPNP, JPNNS, Polis Diraja Malaysia (IPD Bentong) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pahang terlibat dalam operasi ini.

Antara langkah penguatkuasaan yang telah diambil adalah pemeriksaan terhadap 11 buah lori di mana sebanyak 14 saman telah dikeluarkan oleh PDRM dan 117 saman oleh JPJ. Matlamat utama operasi ini adalah untuk memastikan lori dan kenderaan yang membawa hasil hutan mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984 serta Garis Panduan Muatan Kayu Balak yang ditetapkan. Pemeriksaan dilakukan melalui sekatan jalan raya dan rondaan di kawasan *hot spot* termasuk laluan utama Karak - Simpang Pertang, Mentakab - Kg. Awah dan Jalan Mempaga - Lebuh Raya Karak. Kawasan-kawasan ini dikenal pasti sebagai laluan utama bagi kenderaan yang membawa hasil hutan seterusnya menjadikan pemantauan lebih efektif dan strategik.

Hasil operasi menunjukkan adanya peningkatan kesedaran dalam kalangan pemandu dan pemilik lori terhadap kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Hal ini membuktikan keberkesanan operasi bersepadu seperti ini dalam mengekang aktiviti yang melanggar undang-undang serta menggalakkan pematuhan terhadap peraturan yang berkaitan dengan pengangkutan hasil hutan. JPNP dan JPNNS berharap agar operasi seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk memperkukuhkan lagi penguatkuasaan undang-undang sekaligus melindungi khazanah alam semula jadi daripada dieksploitasi secara tidak sah.



Pemeriksaan ke atas lori
yang membawa muatan kayu balak



Pasukan yang terlibat dalam
Ops Transit




Sekatan jalanraya oleh
PDRM dan JPJ




Pegawai JPNP membuat semakan
ke atas muatan hasil hutan

## OPERASI BERSEPADU: MEMASTIKAN PEMATUHAN INDUSTRI KAYU DI NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Line @ Norline binti Zarnudin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**KUANTAN, 5 HINGGA 8 NOVEMBER 2024**

Operasi Bersepadu Industri Berasas Kayu (IBK) Negeri Pahang yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah berlangsung selama empat (4) hari, bermula 5 hingga 8 November 2024.

Operasi ini melibatkan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Maran, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah Daerah Kuantan, Pekan dan Maran serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG).



Pegawai JPNP membuat semakan dokumen lesen IBK

Lebih daripada 80 anggota penguat kuasa daripada JPNP dan agensi-agensi berkaitan terlibat dalam operasi ini. Fokus utama operasi bersepadu ini adalah untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang industri berasas kayu yang beroperasi di kawasan luar zon perindustrian termasuk kilang yang beroperasi secara haram. Beberapa kilang papan dan premis perabot telah dikenalpasti sebagai sasaran utama.

Penguatkuasaan ini bertujuan memastikan semua kilang industri berasas kayu mematuhi peraturan dan undang-undang seperti yang digariskan dalam Enakmen Industri Berasas Kayu Negeri Pahang (Pindaan) 2011, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 serta undang-undang lain yang berkuat kuasa.

Majlis penutupan operasi pada 8 November 2024 telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Perhutanan Pahang (Operasi), Dr. Grippin anak Akeng.




Sitaan dibuat ke atas jentera yang tidak berdaftar






Sitaan dibuat ke atas jentera yang tidak berdaftar

**PROGRAM PRA PENANAMAN TINGKATKAN KESEDARAN PEMELIHARAAN ALAM SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA**

Disediakan oleh: YM Tengku Mohd Ridzuan bin Tengku Ibrahim
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**RAUB, 14 NOVEMBER 2024**

Program Pra Penanaman Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Pahang telah diadakan dengan jayanya di Hutan Simpan Sungai Sia, Daerah Raub, Pahang. Program ini melibatkan penyertaan seramai 50 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang Kampus Raub bersama kakitangan Pejabat Pembangunan Hutan Zon Pahang Barat dan Pejabat Hutan Daerah Raub.

Program ini dirangka untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab bersama dalam menjaga khazanah alam semula jadi. Ia juga menyokong usaha pemulihan dan penambahbaikan ekosistem hutan melalui aktiviti penanaman pokok secara berstruktur dan terancang.

Sebanyak 300 pokok hutan daripada pelbagai spesies telah ditanam di kawasan yang telah diceroboh tetapi kini dipulihkan hasil usaha gigih Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Aktiviti penanaman ini bukan sahaja bertujuan memulihkan kawasan hutan yang terjejas malah memberikan peluang kepada peserta untuk memahami peranan penting pemeliharaan alam sekitar dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem.

Inisiatif ini diharap dapat memupuk semangat cintakan alam dalam kalangan generasi muda terutamanya para pelajar agar mereka lebih peka terhadap isu-isu alam sekitar dan memainkan kepentingan dalam usaha pemeliharaan serta pemulihan hutan pada masa hadapan.







Program penanaman pokok mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada penuntut UiTM Pahang Kampus Raub

## KERJASAMA STRATEGIK PERBADANAN STADIUM MALAYSIA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DEMI KELESTARIAN ALAM

Disediakan oleh: Mohd Saman bin Mohd Sanget
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**PEKAN, 22 NOVEMBER 2024**

Satu program kerjasama antara Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) bersama peserta *BuyBack Guarantee* (BBG) Tasik Chini telah berjaya diadakan di Kawasan Pemulihan Lombong, Tasik Chini pada pagi 22 November 2024. Program yang bermula seawal jam 7.30 pagi ini dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PSM, Tuan Iliyas bin Jamil.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 105 orang yang terdiri daripada 50 pegawai dan kakitangan PSM, wakil dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Belia dan Sukan, 30 peserta BBG Orang Asli Tasik Chini serta 25 orang kakitangan Unit Silvikultur Zon Timur JPNP. Menerusi program ini, sebanyak 250 anak pokok telah berjaya ditanam di kawasan tersebut. Antara spesies utama yang ditanam ialah pokok Merbau, Meranti melantai, Petai, Kempas, Pulai dan Meranti tembaga. Pemilihan spesies-spesies ini dibuat berdasarkan kesesuaiannya dalam memperbaiki kualiti tanah serta membantu mempercepatkan pemulihan kawasan bekas lombong.

Objektif utama program ini adalah untuk memulihkan kawasan bekas lombong yang sebelum ini telah ditanam dengan tumbuhan penutup bumi oleh pihak JPNP. Penanaman pokok ini diharapkan dapat memperbaiki struktur tanah yang terjejas, mengurangkan hakisan dan mempercepatkan pemulihan ekosistem di kawasan Tasik Chini. Selain itu, program ini turut bertujuan memperkasakan komuniti Orang Asli melalui inisiatif BBG yang membolehkan mereka menjana pendapatan menerusi pembelian anak pokok oleh pihak berwajib.

Program kerjasama ini juga diharap dapat menjadi perintis kepada lebih banyak pihak korporat dan masyarakat untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Inisiatif seperti ini bukan sahaja membantu menjaga kelestarian alam malah memberikan impak ekonomi yang positif kepada masyarakat setempat, khususnya peserta BBG dari kalangan komuniti Orang Asli. Tambahan pula, aktiviti ini selaras dengan Kempen Penghijauan Malaysia bertemakan “1 Pokok, 1 Rakyat Negeri Pahang” yang menyasarkan setiap individu di negeri ini untuk menyumbang kepada usaha pemeliharaan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok. Dengan penglibatan pelbagai pihak dan sokongan berterusan diharapkan usaha pemulihan kawasan bekas lombong di Tasik Chini ini dapat dilaksanakan dengan jayanya seterusnya memastikan kawasan tersebut terus terpelihara dan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Kesimpulannya, program ini merupakan satu (1) langkah yang sangat baik dalam memupuk kesedaran serta semangat kerjasama dalam kalangan pihak korporat, agensi kerajaan dan masyarakat. Diharapkan lebih banyak program sebegini akan diadakan di masa hadapan demi memastikan kelestarian alam sekitar di negara kita.



Ucapan alu-aluan oleh Pn. Kholizan binti Jamaluddin, Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan), JPNP


Simbolik penanaman pokok oleh Ketua Pegawai Eksekutif PSM


Peserta program bergambar sebelum aktiviti penanaman pokok



Aktiviti penanaman pokok oleh peserta

**MYPARKS AWARDS 2023: PAHANG BERBANGGA MOSSY FOREST DAN TAMAN NEGERI ROMPIN DIIKTIRAF**

Disediakan oleh: Muhammad Haizul Ashraf bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**KUANTAN, 28 NOVEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berbangga apabila berjaya meraih dua (2) anugerah berprestij dalam MyParks Awards 2023 iaitu Anugerah Platinum bagi Taman Eko-Rimba Mossy Forest di Cameron Highlands dan Anugerah Emas bagi Taman Negeri Rompin di Rompin. Penghargaan ini telah disampaikan dalam satu majlis gilang-gemilang yang berlangsung pada 28 November 2024 di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM), Kuala Lumpur.

MyParks Awards 2023 merupakan pertandingan anjuran IPJPSM dengan kerjasama Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia (MyParks). Pertandingan ini berlangsung dari Mei hingga Disember 2023 dan melibatkan penyertaan lima (5) negeri dengan sembilan (9) kawasan Taman Eko-Rimba (TER) serta Hutan Taman Negeri (HTN).

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf dan mempromosikan kawasan rekreasi serta taman di Malaysia yang mengamalkan pengurusan secara mampan. Penganugerahan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen tinggi dalam pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar tetapi turut menjadi inspirasi kepada pihak lain untuk mencontohi amalan terbaik dalam pemuliharaan sumber semula jadi.

Majlis penyampaian anugerah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kejayaan ini menjadi bukti komitmen JPNP dalam memastikan kawasan hutan rekreasi di Pahang terus terpelihara dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.




Anugerah Platinum untuk Taman Eko Rimba Mossy Forest disampaikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL: MEMUPUK HIJAU DEMI GENERASI AKAN DATANG

Disediakan oleh: Mohd Saman bin Mohd Sanget
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**PEKAN, 16 DISEMBER 2024**

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah diadakan di Kawasan Pemulihan Lombong, Tasik Chini hasil kerjasama antara Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Pahang dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP). Program ini turut melibatkan peserta *BuyBack Guarantee* Orang Asli Tasik Chini dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ruslan bin Othman, Pengarah LHDN Pahang. Seramai 66 peserta termasuk pegawai dan kakitangan LHDN serta Unit Silvikultur Zon Timur JPNP turut serta dalam program ini.

Sebanyak 100 anak pokok daripada spesies seperti pokok Merbau, Petai, Sentol, Durian, Keruing, Kulim, Merawan dan Meranti tembaga telah ditanam bagi memperbaiki kualiti tanah dan mempercepatkan pemulihan ekosistem kawasan bekas lombong yang terjejas akibat perlombongan. Kawasan ini telah ditanam dengan tumbuhan penutup bumi oleh pihak JPNP sebagai langkah awal pemulihan.

Program ini bertujuan memulihkan kawasan lombong, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar serta menggalakkan penglibatan pihak korporat dan komuniti dalam usaha penghijauan. Inisiatif *BuyBack Guarantee* turut memberi manfaat kepada komuniti Orang Asli dengan menyediakan peluang menjana pendapatan melalui pembelian anak pokok untuk program pemuliharaan.

Usaha ini selaras dengan Kempen Penghijauan Malaysia bertemakan "1 Pokok, 1 Rakyat Negeri Pahang" yang menggalakkan setiap individu menanam sekurang-kurangnya satu pokok bagi memelihara alam sekitar. Dengan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, program ini diharapkan dapat membawa manfaat jangka panjang dan memastikan ekosistem Tasik Chini terus terpelihara untuk generasi akan datang.




Ucapan perasmian oleh
Pengarah LHDN Pahang




Ucapan oleh En. Mohd Saman bin Mohd Sanget,
Penolong Pengarah Kanan Silvikultur Zon Pahang Timur,
JPNP



Upacara menandatangani plat tanaman oleh
Pengarah LHDN Pahang




Kerjasama antara LHDN dan JPNP dalam
program penanaman pokok

## PERTANDINGAN BOLING PIALA KPPSM: PAHANG TAMBAH PIALA KEJUARAAN

Disediakan oleh: Maziah binti Mahtar
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

**SETAPAK, 29 DISEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sekali lagi melakar kenangan manis apabila menjuarai Pertandingan Boling Piala Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) 2024 anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan (MAKSPER). Pertandingan ini telah berlangsung di Wangsa Bowl, Wangsa Walk Mall, Setapak, Kuala Lumpur dengan menyaksikan perlawanan antara pasukan daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Sebanyak 26 pasukan telah berentap termasuk empat (4) pasukan VIP yang terdiri daripada pengurusan tertinggi JPSM dan JPN serta Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) JPSM.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menghantar peserta bagi kategori VIP (lelaki), VIP (wanita), Individu (lelaki), Individu (wanita) dan Berpasukan. Daripada semua kategori yang dipertandingkan peserta JPNP iaitu Hingshamudin bin Mat Ali telah memenangi tempat kedua bagi Kategori Individu Lelaki, Line @ Norline binti Zarnudin memenangi tempat pertama dengan catatan jumlah jatuhan pin tertinggi dan Maziah bin Mahtar memenangi tempat ketiga bagi kategori Individu Wanita. Bagi kategori Berpasukan, kedua pasukan JPNP telah memenangi tempat pertama dan ketiga.

Kejayaan ini menambah lagi rekod cemerlang JPNP dalam arena sukan, susulan kemenangan terdahulu dalam Kejohanan Bola Sepak Piala KPPSM yang berlangsung pada 1 hingga 3 Mac 2024 serta Kejohanan Boling Piala KPPSM pada 27 April 2024.



Aksi yang ditunjukkan oleh Norshazlee bin Roslee yang bertanding dalam Pasukan Pahang A



Line @ Norline binti Zarnudin mencatatkan jatuhan pin tertinggi sebanyak 254 pin



Piala disampaikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia kepada Pasukan Pahang B yang menjuarai Kategori Berpasukan



Pasukan Pahang A mendapat tempat ketiga bagi Kategori Berpasukan

# JPN PERAK

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan

| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 23 HINGGA 25 JULAI 2024 | BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.1/2024 NEGERI PERAK |
| 2 | 21 HINGGA 23 OKTOBER 2024 | BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.2/2024 NEGERI PERAK: PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN |
| 3 | 26 HINGGA 28 NOVEMBER 2024 | BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.3/2024 NEGERI PERAK- PERANCANGAN DAN PENGURUSAN KOS PROJEK |
| 4 | 2 HINGGA 5 SEPTEMBER 2024 | BENGKEL HUTAN TANAH KERAJAAN (HTK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2024 : KENALPASTI KAWASAN HUTAN DIWARTAKAN SEBAGAI HSK |
| 5 | 7 NOVEMBER 2024 | LATIHAN PENGENDALIAN SENJATA API DAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2024 |
| 6 | 18 DAN 19 NOVEMBER 2024 | BENGKEL HUTAN TANAH KERAJAAN (HTK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK BILANGAN 2 TAHUN 2024- PENGEMASKINIAN MAKLUMAT RIZAB PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DAN RIZAB MELAYU |
| 7 | 14 HINGGA 18 DISEMBER 2024 | LAWATAN PENANDA ARAS DAN PERKONGSIAN ILMU BERKAITAN PENGURUSAN HUTAN, KARBON DAN EKOPELANCONGAN DI NEGERI SABAH |

**BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.1/2024 NEGERI PERAK**

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**PULAU PANGKOR, 23 HINGGA 25 JULAI 2024**

*Central Forest Spine* (CFS) merupakan gabungan kawasan hutan yang terdiri daripada Hutan Simpan Kekal, Taman Negara, Taman Negeri, Rizab Hidupan Liar, kawasan pertanian dan kawasan tepu bina. Kawasan ini memainkan peranan penting sebagai tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Semenanjung Malaysia. KSAS dikenali sebagai kawasan khas yang amat sensitif kepada sebarang perubahan ekosistem akibat aktiviti manusia atau proses semula jadi. Oleh itu, usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan ini amat kritikal untuk memastikan kelestarian alam sekitar.

CFS merentasi lapan (8) negeri dan melibatkan 58 daerah di Semenanjung Malaysia. Kawasan ini menyumbang secara signifikan kepada biodiversiti negara kerana ia merupakan habitat pelbagai spesies flora dan fauna. Selain itu, ia juga merupakan punca sumber air mentah dan pengeluar oksigen yang penting untuk kelangsungan hidup manusia. Namun ancaman seperti pembangunan dan pencerobohan hutan memerlukan tindakan proaktif bagi memastikan kesinambungan fungsi kawasan ini. Oleh sebab itu, Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* diwujudkan untuk menghubungkan kompleks hutan yang terpisah agar hidupan liar dapat bergerak tanpa gangguan dan ancaman.

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah meluluskan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 pada 20 Julai 2022 untuk menggantikan PIRECFS 2010. Pelan induk baharu ini menggariskan lima (5) objektif, 14 strategi, 38 tindakan dan 228 inisiatif yang akan dilaksanakan secara berfasa dari tahun 2022 hingga 2040. Pelan ini melibatkan 39 rangkaian ekologi termasuk 20 rangkaian primer serta 19 rangkaian sekunder.

Negeri Perak adalah salah satu (1) negeri yang komited terhadap pelaksanaan PIRECFS 2022. Di Perak, terdapat lapan (8) rangkaian ekologi CFS dengan keluasan 54,617 hektar yang terdiri daripada lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Komitmen kerajaan negeri jelas terbukti apabila PIRECFS 2022 telah diluluskan pada peringkat negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak pada 22 Februari 2022. Langkah ini menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan terhadap kepentingan melindungi kawasan ekologi ini demi memastikan kesinambungan ekosistem di negeri tersebut.

Dalam usaha menyokong pelaksanaan pelan induk ini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menganjurkan Bengkel Pendedahan dan Pemahaman PIRECFS 2022 Bil. 1/2024 di Pulau Pangkor pada 23 hingga 25 Julai 2024. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan agensi pelaksana serta agensi sokongan di negeri Perak mengenai strategi, tindakan dan inisiatif yang digariskan dalam pelan induk. Pelbagai program seperti ceramah, pameran dan perbincangan kumpulan telah diadakan untuk memastikan objektif bengkel tercapai. Penganjuran bengkel ini juga selari dengan Tindakan 4.3b PIRECFS 2022, iaitu meningkatkan kesedaran awam serta penglibatan masyarakat dalam usaha pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan.

Kesimpulannya, pelaksanaan PIRECFS 2022 adalah usaha penting dalam memastikan kelestarian ekosistem di Semenanjung Malaysia khususnya melalui perlindungan kawasan hutan dan biodiversiti. Dengan sokongan dan komitmen kerajaan negeri seperti Perak pelan induk ini diharapkan mampu mencapai matlamatnya untuk memelihara dan memulihara Central Forest Spine sebagai warisan alam yang tidak ternilai.




Penerangan berkaitan *Central Forest Spine* Negeri Perak kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan), Puan Halizah binti Sipun



Peserta Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak



Pendedahan dan Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak





Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak

**BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (PIRECFS) 2022 BIL.2/2024 NEGERI PERAK : PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN**

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**GERIK, 21 HINGGA 23 OKTOBER 2024**


Di Negeri Perak terdapat lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54,617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai PIRECFS 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. Bagi memastikan visi pelan induk ini tercapai, maka Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Perbadanan Taman Negeri Perak telah menganjurkan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak: Pemantauan dan Pelaksanaan pada 21 hingga 23 Oktober 2024 di Hulu Perak, Gerik, Perak.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan penyelarasan mengenai strategi, tindakan dan inisiatif PIRECFS 2022 serta untuk mengumpulkan maklumat kemajuan pelaksanaan 228 inisiatif kepada setiap agensi pelaksana dan agensi sokongan di Negeri Perak. Penganjuran bengkel ini adalah bertepatan dengan peranan Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaku urusetia Jawatankuasa Kerja Negeri Pelaksanaan CFS di Negeri Perak serta membantu mengenal pasti kekangan atau permasalahan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di lapan (8) Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) Negeri Perak. Hasil daripada rumusan bengkel ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Pelaksanaan Central Forest Spine (JKTP-CFS) Negeri Perak.

Pengisian program di dalam bengkel ini adalah ceramah/taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut objektif PIRECFS 2022 dan lawatan kerja ke Kampung Orang Asli Sungai Tiang, Belum dan Taman Negeri Royal Belum. Penganjuran bengkel ini adalah selari dengan Tindakan 4.3b di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk meningkatkan kesedaran serta penglibatan awam dalam usaha memelihara, memulihara dan melindungi hutan serta memberi pendedahan kepada agensi pelaksana dan agensi sokongan dalam mengenalpasti inisiatif yang akan melibatkan kos dan peruntukan kewangan. Selain itu, penganjuran bengkel ini juga selari dengan Tindakan 3.2a di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Memperkasa Komuniti Hutan dalam Membangunkan Ekonomi Tempatan dan Tindakan 3.2b di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Memelihara Nilai Intrinsik Tempatan di samping mengeratkan ukwah dan kalobrasi antara agensi/jabatan dan NGO dalam melaksana, memantau dan mengawal pembangunan dalam kawasan CFS Negeri Perak selari dengan Tindakan 4.1b di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS.



Peserta Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak : Pemantauan dan Pelaksanaan



Lawatan ke Taman Negeri Royal Belum

**BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.3/2024 NEGERI PERAK- PERANCANGAN DAN PENGURUSAN KOS PROJEK**

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**SUNGKAI, 26 HINGGA 28 NOVEMBER 2024**

*Central Forest Spine* (CFS) merupakan gabungan kompleks hutan yang merangkumi Hutan Simpan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri, Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina. Ia berperanan sebagai tulang belakang kepada Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang sangat terdedah kepada perubahan ekosistem akibat faktor semula jadi atau aktiviti manusia.

Di Negeri Perak, terdapat lapan (8) rangkaian ekologi CFS seluas 54,617 hektar, terdiri daripada lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited dalam memelihara ekosistem ini dengan menerimapakai Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 pada 22 Februari 2022. Pelan ini mengandungi lima (5) objektif, 14 strategi, 38 tindakan dan 228 inisiatif yang dirancang secara berfasa hingga tahun 2040.



Lawatan ke Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungkai

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PIRECFS 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) telah menganjurkan Bengkel Pendedahan & Pemahaman PIRECFS 2022 pada 26 hingga 28 November 2024 di FELDA Residence Hot Springs, Sungkai. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada agensi pelaksana mengenai sumber peruntukan, kaedah pembiayaan serta mengenal pasti cabaran dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang.

Antara pengisian program termasuk ceramah, taklimat, perbincangan kumpulan mengikut objektif PIRECFS 2022 serta lawatan kerja ke Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan di Sungkai. Bengkel ini juga menekankan usaha konservasi seperti pemuliharaan spesies endemik dan terancam serta kesejahteraan hidupan liar dan komuniti setempat.



Sesi perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan dan Pengurusan Kos Projek

Hasil perbincangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Pelaksanaan CFS Negeri Perak. Selain itu, bengkel ini turut berperanan mengeratkan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO dan pihak berkepentingan dalam usaha pemeliharaan, pemuliharaan serta perlindungan hutan secara mampan.



Peserta Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan dan Pengurusan Kos Projek

## BENGKEL HUTAN TANAH KERAJAAN (HTK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2024 : KENALPASTI KAWASAN HUTAN DIWARTAKAN SEBAGAI HSK

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**TAIPING, 2 HINGGA 5 SEPTEMBER 2024**

Hutan hujan tropika di Malaysia merupakan khazanah negara yang penting dalam mengekalkan kestabilan ekosistem di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa. Selain itu, ia turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Oleh itu, pengurusan hutan yang sistematik amat diperlukan bagi memastikan kelestarian alam sekitar serta kepelbagaian biologi yang terkandung di dalamnya terus terpelihara. Malaysia komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara diliputi kawasan berhutan selaras dengan komitmen yang dibuat dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Sejajar dengan sasaran tersebut Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpan Kekal (HSK) Negeri Perak Bil. 1/2024 pada 2 hingga 5 September 2024 di Hotel Taiping Perdana, Taiping. Inisiatif ini selari dengan Rancangan Fizikal Negara Ke-4, Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 dan Pelan Perak Sejahtera 2030. Kerajaan Negeri Perak juga komited dalam menangani perubahan iklim melalui Kempen Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan pada 5 Januari 2021, bagi memastikan kawasan berhutan terus terpelihara, khususnya dalam Hutan Simpan Kekal.

Bengkel ini bertujuan mengenal pasti serta mengumpulkan maklumat mengenai kawasan HTK yang berpotensi diwartakan sebagai HSK. Selain itu, ia juga membantu mengemaskini sempadan HSK, tanah kerajaan serta tanah berimilik. Antara pengisian program termasuk ceramah, taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut daerah hutan. Penganjuran bengkel ini turut selari dengan Tindakan 5.1b dalam PIRECFS 2022 yang bertujuan mengukuhkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Bengkel ini merupakan satu langkah proaktif dalam memastikan pemeliharaan hutan negara terus diperkukuh, sekaligus menyumbang kepada kestabilan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.




Perasmian Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Peserta Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Taklimat bengkel disampaikan oleh Encik Azhar bin Anuar wakil daripada JPNPk



Sesi perbincangan bengkel dalam kumpulan

## LATIHAN PENGENDALIAN SENJATA API DAN MENEMBAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2024

Disediakan oleh: Afiqah binti Abd Rahim
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**IPOH, 7 NOVEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengadakan Latihan Pengendalian Senjata Api dan Menembak pada tahun 2024 bertempat di Lapang Sasar Ibu Pejabat Kontinjen Polis Perak. Latihan ini melibatkan penyertaan seramai 60 orang terdiri daripada pegawai kanan serta kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Latihan tersebut telah dikendalikan oleh seramai 12 orang anggota Polis DiRaja Malaysia dari Ibu Pejabat Kontinjen Polis Perak yang diketuai oleh Tuan ASP Salimi bin Ishak, Pegawai Turus Persenjataan/ Komander Unit Pemusnah Bom IPK Perak. Program latihan menembak yang berlangsung selama satu hari ini merangkumi sesi taklimat dan latihan praktikal mengenai tatacara dan aspek keselamatan dalam pengendalian senjata api. Latihan ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap peserta dapat mengendalikan senjata api dengan betul dan selamat. Selain itu, latihan ini juga diadakan bagi memenuhi syarat pembaharuan lesen bagi semua pemegang lesen Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Bagi menambah elemen kompetitif dalam latihan ini, pertandingan menembak telah diadakan untuk anggota terpilih. Pertandingan ini melibatkan acara *centre fire* dan *falling plate* yang diadakan untuk kategori perseorangan dan berkumpulan. Berikut adalah keputusan pertandingan:

- Kategori VIP: Encik Mohd Hafiz bin Samsudin
- Kategori Lelaki: Encik Rizalman bin Mohamad
- Kategori Wanita: Cik Afida binti Mohamed

Latihan berakhir dengan jayanya pada jam 5.00 dengan peserta rasa berpuashati kerana mendapat pengalaman yang tidak dapat dilupakan.



Latihan pengendalian senjata api dan menembak

## BENGKEL HUTAN TANAH KERAJAAN (HTK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK BILANGAN 2 TAHUN 2024 - PENGEMASKINIAN MAKLUMAT RIZAB PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DAN RIZAB MELAYU

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**TAIPING, 18 DAN 19 NOVEMBER 2024**

Hutan hujan tropika Malaysia adalah khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem di peringkat domestik, serantau dan global. Selain menyokong kepelbagaian biologi, hutan juga berperanan dalam pembangunan sosioekonomi negara. Oleh itu, pengurusan yang sistematik amat diperlukan bagi memastikan kelestariannya. Malaysia komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan sejajar dengan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992.



Perasmian bengkel

Menyedari kepentingan hutan serta sasaran 50% keluasan negara dilitupi pokok, Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024 – Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli dan Rizab Melayu. Bengkel ini berlangsung pada 18 hingga 19 November 2024 di Hotel Grand Baron, Taiping. Inisiatif ini selari dengan komitmen Kerajaan Negeri yang digariskan dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-4, Strategi Pelaksanaan 21.1 dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 serta Pelan Perak Sejahtera 2030.



Perbincangan bengkel

Bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini dan mengumpulkan data berkaitan kedudukan Rizab Perkampungan Orang Asli dan Rizab Melayu bagi mengenal pasti kawasan berhutan yang berpotensi diwartakan sebagai HSK baharu. Langkah ini selari dengan kehendak Strategi Pelaksanaan 21.1 dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 serta Agenda Kelestarian Alam Sekitar dalam Pelan Perak Sejahtera 2030, yang menyasarkan 50% daripada keluasan negeri sebagai kawasan berhutan.



Taklimat Penerangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu

Antara pengisian utama bengkel ini ialah sesi ceramah, taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut daerah hutan. Penganjurannya juga selaras dengan Tindakan 5.1b bagi Inisiatif Pelaksanaan 5 di bawah PIRECFS 2022, iaitu untuk mengukuhkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

Usaha ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pemeliharaan hutan terus diberi keutamaan seiring dengan pembangunan mampan demi kesejahteraan generasi akan datang.



Pembentangan kumpulan



Perbincangan dalam kumpulan

## LAWATAN PENANDA ARAS DAN PERKONGSIAN ILMU BERKAITAN PENGURUSAN HUTAN, KARBON DAN EKOPELANCONGAN DI NEGERI SABAH

Disediakan oleh: Muhamad Uzir bin Mohd Tahir
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**KOTA KINABALU, 14 HINGGA 18 DISEMBER 2024**

Seramai 28 anggota telah menyertai Lawatan Penanda Aras dan Perkongsian Ilmu Berkaitan Pengurusan Hutan, Karbon dan Ekopelancongan di Negeri Sabah yang turut dihadiri oleh YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)/ Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Program ini bertujuan membina jaringan strategik antara jabatan dan agensi, membuka peluang untuk kerjasama masa depan dalam pengurusan hutan dan ekopelancongan. Kolaborasi ini diharap dapat memperluas pengetahuan dan pengalaman untuk memajukan sektor tersebut di negeri Perak.

Peserta juga diberi pendedahan mengenai *Forest-Based Carbon Related Activities* di negeri Sabah dengan taklimat disampaikan oleh Puan Rosila Anthony dan Puan Hamidah binti Bujing mengenai *Nature-Based Solution* (NBS) dan pengurusan hutan lestari.

Antara lokasi ekopelancongan penting yang dilawati:

1. Tagal Sg Moroli: Kawasan pemuliharaan ikan yang melibatkan komuniti setempat dalam pengurusan perikanan memberi manfaat ekonomi dan melindungi habitat akuatik. Taklimat disampaikan oleh Puan Norhayati binti Assry.
2. Taman Negara Kinabalu: Tapak Warisan Dunia UNESCO dengan program pemuliharaan dan pendidikan mengenai biodiversiti. Taklimat disampaikan oleh Encik Justinus Guntabid.
3. Desa Dairy Farm: Ladang tenusu yang dijadikan pusat agro-pelancongan mampam yang menghasilkan produk tempatan berkualiti tinggi.

Lawatan ini memberi pandangan berharga dalam pengurusan hutan dan ekopelancongan yang diharap dapat memberi impak positif bagi pembangunan lestari di Perak dan Malaysia secara keseluruhannya. Dengan usaha bersama kita dapat memastikan kelestarian sumber alam untuk generasi akan datang.



Taklimat Mengenai Perhutanan di Sabah dan Perdagangan Karbon Bersama tetamu jemputan dan peserta di Pejabat Perhutanan Daerah Kota Kinabalu



Aktiviti di Tagal Sg. Moroli




Penyerahan Cenderahati kepada Pemilik Pusat Pemeliharaan Ikan



Aktiviti lawatan di Desa Dairy Farm

# JPN

# TERENGGANU

## JULAI-DISEMBER 2024

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 11 JULAI 2024 | PENGHIJAUAN KAMPUS KOLEJ VOKASIONAL KUALA BERANG |
| 2 | 17 JULAI 2024 | POKOK AMBONG-AMBONG HABITAT PENYU: PENANAMAN POKOK UNTUK PEMELIHARAAN PENYU DI PUSAT TAMAN LAUT PULAU REDANG, TERENGGANU |
| 3 | 24 JULAI 2024 | PELAKSANAAN PENGAUDITAN MS ISO 9001:2015 JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU OLEH AJA EQS CERTIFICATION (M) SDN. BHD. |
| 4 | 9 OGOS 2024 | PROGRAM PENANAMAN POKOK OLEH PENGARAH PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU BERSAMA KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH TERENGGANU BARAT |
| 5 | 31 OGOS 2024 | MENYEMARAKKAN HARI KEBANGSAAN: PERARAKAN DAN PERBARISAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU |
| 6 | 22 SEPTEMBER 2024 | PELAJAR SEKOLAH DAN KOMUNITI MUKIM SURA, DUNGUN TERUJA MENYERTAI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK DAN PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS* (CEPA) |
| 7 | 24 SEPTEMBER 2024 | DATA SISTEMATIK MENJAMIN KELESTARIAN ALAM SEKITAR: MAJLIS PERASMIAN BANCI PERTANIAN 2024 KLUSTER PERHUTANAN |
| 8 | 25 SEPTEMBER 2024 | TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB): KELESTARIAN PULAU BIDONG, TERENGGANU |

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 9 | 7 OKTOBER 2024 | MENEROKA ALAM SEMULA JADI: EKPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN SIMPAN HULU TERENGGANU TAMBAHAN, SEKAYU |
| 10 | 9 OKTOBER 2024 | SANTAI MAKAN MALAM (*GALA DINNER*) PEJABAT HUTAN DAERAH TERENGGANU BARAT |
| 11 | 17 OKTOBER 2024 | SUNTIKAN ROHANI JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU: PROGRAM BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH BULANAN |
| 12 | 22 OKTOBER 2024 | SETIAP PERTEMUAN PASTI ADA PERPISAHAN: MAJLIS KALUNGAN KASIH SANJUNGAN BUDI |

## PENGHIJAUAN KOLEJ VAKASIONAL KUALA BERANG

Disediakan oleh: Mohd Hafiz bin Hamzah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA BERANG, 11 JULAI 2024**

Program Penanaman Pokok telah diadakan di peringkat Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat (PHDTB) bersama Kolej Vokasional Kuala Berang (KVKB) pada 11 Julai 2024 bertempat di Dewan KVKB. Sebanyak 300 pokok pelbagai spesis telah ditanam oleh guru-guru dan pelajar KVKB. Kesemua pokok tersebut didaftarkan di bawah rekod Penghijauan Malaysia sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bagi meningkatkan bilangan pokok yang telah ditanam di Negeri Terengganu.

Penghijauan di sekitar kampus KVKB telah menambahkan suasana hijau dan segar yang mana dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya pelajar-pelajar KVKB mengenai pentingnya penghijauan dan pemeliharaan alam sekitar.



Ucapan alu-aluan oleh Pegawai Hutan Daerah
Terengganu Barat, Encik Mohd Hafiz bin Hamzah



Simbolik Perasmian Program Penanaman Pokok
bersama warga Kolej Vokasional Kuala Berang




Simbolik Perasmian Program Penanaman Pokok bersama warga Kolej Vokasional Kuala Berang



Bergambar kenangan selepas Program Penanaman Pokok



Wakil Kolej Vokasional Kuala Berang menanam pokok

## POKOK AMBONG-AMBONG HABITAT PENYU: PENANAMAN POKOK UNTUK PEMELIHARAAN PENYU DI PUSAT TAMAN LAUT PULAU REDANG, TERENGGANU

Disediakan oleh: Wan Radzi bin Wan Abdullah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**PULAU REDANG, 17 JULAI 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah mengadakan Program Penanaman Pokok bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Hutan JPNT yang berlangsung di Mutiara Pulau Redang pada 17 Julai 2024. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Terengganu Utara (PHDTU) selaku tuan rumah serta Jabatan Perikanan Negeri Terengganu. Aktiviti utama program ini ialah penanaman pokok di kawasan Konservasi Penyu, Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu.

Sebanyak 10 anak pokok spesies Ambong-ambong telah dibawa dari PHDTU untuk ditanam di sekitar kawasan konservasi ini. Keistimewaan anak pokok ini terletak pada asal-usulnya, di mana benihnya telah dikutip dari Pulau Redang sebelum ini, disemai di tapak semaian PHDTU, dan kini dikembalikan untuk ditanam semula di habitat asalnya. Pemilihan spesies ambong-ambong amat bersesuaian kerana ia menyumbang kepada pemeliharaan serta pembiakan penyu di persisiran Pantai Pulau Redang. Pokok ambong-ambong bukan sahaja memberikan keselesaan kepada penyu untuk bersarang di bawahnya, malah turut berperanan dalam mengurangkan hakisan pantai. Usaha ini secara tidak langsung membantu pihak pengurusan kawasan Konservasi Penyu dalam memelihara kestabilan ekosistem pesisir pantai.

Sebelum aktiviti penanaman pokok dimulakan, Pegawai Hutan Daerah Terengganu Utara telah memberikan penerangan ringkas berkaitan spesies ambong-ambong. Seterusnya, wakil pihak pengurusan Pusat Taman Laut Pulau Redang turut menyampaikan taklimat mengenai usaha pemeliharaan penyu di kawasan tersebut.

Kerjasama erat antara JPNT dan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dalam penganjuran program ini memberikan impak positif bukan sahaja dari segi aktiviti penanaman pokok tetapi juga dalam memastikan kawasan konservasi penyu ini kekal terpelihara dan terpulihara untuk jangka masa panjang.



Menaiki bot ke Pusat Taman Laut Pulau Redang




Papan tanda HS. Pulau Redang dapat dilihat sebelum sampai Pusat Taman Laut




Program menanam pokok Ambong-ambong



Bergambar kenangan bersama wakil Pusat
Taman Laut Pulau Redang




Bergambar kenangan selepas menanam pokok

**PELAKSANAAN PENGAUDITAN MS ISO 9001:2015 JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU OLEH AJA EQS CERTIFICATION (M) SDN. BHD.**

Disediakan oleh: Nurasiah binti Zahari
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA TERENGGANU, 24 Julai 2024**

Mesyuarat Pembukaan Audit Bebas Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia: Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli di Hutan Simpanan Kekal bagi Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah diadakan pada 24 Julai 2024, jam 9.00 pagi manakala Mesyuarat Penutup telah diadakan pada jam 3.00 petang pada hari yang sama.



Mesyuarat Pembukaan Audit Bebas MS ISO

Pelaksanaan audit bebas bagi JPNT oleh AJA EQS Certification (M) Sdn. Bhd. adalah untuk memperbaharui sijil yang tamat tempoh pada 31 Julai 2024.

Kerjasama pegawai dan kakitangan yang bertungkus lumus menyediakan dokumen bagi sesi pengauditan pada kali ini membuahkan hasil apabila JPNT telah mendapat keputusan cemerlang dengan penemuan ketakakuran 0 *Major Car*, 0 *Minor Car* dan 0 OFI. JPNT juga berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 dengan memperbaharui sijil sehingga 31 Julai 2025.



Pembentangan hasil penemuan audit bebas



Bergambar kenangan meraikan 0 CAR

**PROGRAM PENANAMAN POKOK OLEH PENGARAH PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU BERSAMA KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH TERENGGANU BARAT**

Disediakan oleh: Mohd Hafiz bin Hamzah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**HULU TERENGGANU, 9 OGOS 2024**

Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat (PHDTB) telah menganjurkan satu Program Penanaman Pokok oleh Pengarah Perhutanan Negeri Terengggganu Bersama kakitangan PHDTB bertempat di Ulu Garden Hall, Kampung Binjai Kertas, Hulu Terengganu pada 9 Ogos 2024. Penganjuran program pada kali ini melibatkan semua kakitangan Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat seramai 120 orang kakitangan.



Ucapan Perasmian oleh PPNT

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu (PPNT). Turut hadir bersama adalah Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu, Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan Pegawai Hutan Daerah Terengganu Utara. Sebanyak 120 pokok pelbagai spesis telah ditanam di sekitar kawasan tersebut bagi menjayakan Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Selain itu, dua (2) acara telah dipersembahkan semasa program ini dijalankan iaitu Sajak Orang Ulu dan Pasukan Koir PHDTB.



Penanaman pokok oleh PHDTB

Program ini akan diadakan secara tahunan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat setempat berkaitan kepentingan menanam pokok dan menjaga alam sekitar sekaligus dapat mendukung hasrat kerajaan dalam menjayakan Program Penghijauan Malaysia. Disamping itu, melalui program yang dijalankan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama diantara kakitangan di Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat.



Sesi penyampaian cenderamata

## MENYEMARAKKAN HARI KEBANGSAAN: PERARAKAN DAN PERBARISAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Nor Suhaida bin Said
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA TERENGGANU, 31 OGOS 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah mengambil bahagian dalam menyertai perbarisan dan perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Terengganu bermula dari Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah dan berakhir di Dataran Shahbandar melibatkan jarak 4.2 kilometer yang disempurnakan oleh DYTM Yang Dipertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail.

Seramai 44 orang kakitangan beruniform JPNT telah terlibat dengan perbarisan dan perarakan ini. Latihan selama dua (2) minggu sebelum bermula acara sebenar telah membuahkan hasil setelah JPNT dinobatkan sebagai Johan Kategori Jabatan Kerajaan/ Badan Beruniform dan menerima sijil serta wang tunai berjumlah RM5,000 yang disampaikan oleh DYTM Yang Dipertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail diiringi oleh YAB Menteri Besar Negeri Terengganu dan YBM Tengku Bijaya Raja Setiausaha Kerajaan Terengganu kepada Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu (PPNT).

Penglibatan kakitangan JPNT dalam perbarisan dan perarakan ini adalah merupakan salah satu cara untuk menunjukkan semangat patriotisme, kerjasama dan sokongan terhadap negara. Setiap tahun, pelbagai agensi kerajaan dan swasta, termasuk jabatan-jabatan, institusi pendidikan dan komuniti terlibat dalam acara perbarisan ini.



Kontijen JPNT menyertai raptai penuh perbarisan




Barisan urus setia yang menjayakan perbarisan



Kontinjen JPNT semasa hari perbarisan



Kontinjen JPNT yang sentiasa segak dan bersemangat




PPNT menerima Piala Kemenangan



Bergambar kenangan meraikan kemenangan




Bergambar kenangan dengan Piala Kemenangan

**PELAJAR SEKOLAH DAN KOMUNITI MUKIM SURA, DUNGUN TERUJA MENYERTAI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK DAN PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS* (CEPA)**

Disediakan oleh: Abu Bakar bin Rapa'ee
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**DUNGUN, 22 SEPTEMBER 2024**

Pada 22 September 2024, Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan telah melaksanakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan Program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) di Wakaf D'Pata, Pantai Sura, Dungun. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu (PPNT), YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus disertai oleh pegawai perhutanan dan wakil kerajaan tempatan.

Seramai 200 orang termasuk pelajar dan guru dari tiga (3) sekolah (Sekolah Menengah Sultan Omar, Sekolah Menengah Sura dan Sekolah Rendah Kebangsaan Sura) serta komuniti Mukim Sura dan agensi kerajaan terlibat dalam acara ini. Sebanyak 1,000 anak pokok diserahkan kepada 23 Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung, 10 agensi kerajaan dan tiga (3) sekolah dengan 200 pokok Rhu ditanam di sekitar Wakaf D'Pata untuk menghijaukan kawasan tersebut.

Selain itu, pameran mengenai kesalahan hutan, pokok herba dan produk daripada pokok Tongkat ali turut diadakan. Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu juga mengedarkan risalah kesedaran mengenai kesalahan hutan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Majlis berakhir dengan penanaman pokok Dungun (*Heritiera littoralis*) sebagai simbolik program tersebut bersempena dengan nama daerah Dungun.




Ucapan Perasmian oleh PPNT




PPNT bersama Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan dan Pegawai Daerah Dungun



Bergambar kenangan selepas acara menanam pokok




Bergambar kenangan bersama pelajar-pelajar dan guru-guru SMK Sultan Omar



Bergambar kenangan bersama pelajar SMK Sultan Omar dan Komuniti Kg. Sura

## DATA SISTEMATIK MENJAMIN KELESTARIAN ALAM SEKITAR: MAJLIS PERASMIAN BANCI PERTANIAN 2024 KLUSTER PERHUTANAN

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA TERENGGANU, 24 SEPTEMBER 2024**

Majlis Perasmian Banci Pertanian 2024 bagi Kluster Pehutanan dan Pembalakan Negeri Terengganu telah diadakan pada 24 September 2024 di Dewan Besar Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, Batu Enam. Majlis perasmian ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Pengarah Kanan Perancangan dan Ekonomi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Seramai 80 orang peserta telah hadir menjayakan program tersebut melibatkan Jabatan Perangkaan, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, JPSM, pihak pelesen dan kontraktor pembalakan.



Ucapan Perasmian Oleh Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Banci Pertanian 2024 diwujudkan bagi mendapatkan struktur dan ciri-ciri sektor pertanian yang komprehensif serta terperinci pada suatu masa yang meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan bagi pegangan pertanian. Sektor perhutanan dan pembalakan antara sektor pertanian yang memerlukan pengurusan yang lestari serta sistematik untuk mengurangkan impak terhadap alam sekitar. Justeru, Banci Pertanian 2024 turut meliputi sub-sektor ini sebagai salah satu usaha memelihara dan memulihara sumber hutan negara.

Hasil Banci Pertanian 2024 dapat menyediakan statistik pertanian masa sebenar dan komprehensif yang akan memberi manfaat berguna kepada semua pihak termasuk pemegang taruh, kerajaan negeri, penyelidik, ahli akademik, pengusaha pertanian dan orang awam yang disasarkan untuk mencapai salah satu *outcome* utama iaitu membangunkan satu Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu yang akan mengandungi maklumat rantaian pertanian (huluan dan hiliran) yang akan dikemaskini secara berkala.



Pegawai dan kakitangan Jabatan Perangkaan



Bergambar kenangan bersama peserta yang hadir



Sesi Banci Pertanian 2024 dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan Perangkaan kepada Pelesen dan Kontraktor Pembalakan

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB): KELESTARIAN PULAU BIDONG, TERENGGANU

Disediakan oleh: Azuan bin Mohd Shukri
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**PULAU BIDONG, 25 SEPTEMBER 2024**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT), Jabatan Perhilitan, Jabatan Pertanian, Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berjaya menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi kelestarian Pulau Bidong, Terengganu.

Selain aktiviti pembersihan pantai Pulau Bidong, peserta juga berjaya menanam pelbagai spesies pokok nadir sebanyak 50 pokok. Seramai 60 orang peserta terlibat dalam program yang dianjurkan pada kali ini termasuk wakil setiap jabatan. Pulau Bidong adalah sebuah pulau yang penuh dengan sejarah tersendiri terutamanya sebagai tempat perkampungan pelarian Vietnam pada tahun 1970-an hingga 1990-an.

Penanaman pokok di sekitar kawasan Pulau Bidong ini merupakan satu inisiatif bagi melestarikan kawasan hijau di kawasan tersebut yang sememangnya terkenal dengan keindahan alam semula jadi agar kekal terpelihara. Usaha dan komitmen pihak TNB dalam menjalankan CSR di sekitar kawasan Pulau Bidong dapat memberikan impak positif terutamanya kepada masyarakat setempat dan kawasan tersebut.




Bergambar kenangan bersama wakil jabatan sebelum program bermula




Bergambar kenangan bersama peserta program







Bergambar kenangan bersama Pengarah Muzium Negeri Terengganu, wakil SPRM, wakil PERHILITAN, wakil TNB dan peserta program yang terlibat

**MENEROKA ALAM SEMULA JADI: EKPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN SIMPAN HULU TERENGGANU TAMBAHAN, SEKAYU**

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**HULU TERENGGANU, 7 HINGGA 11 OKTOBER 2024**

Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan telah berlangsung dengan jayanya selama lima (5) hari bermula 7 Oktober 2024 hingga 11 Oktober 2024 di Taman Eko Rimba Sekayu, Kuala Berang. Ekspedisi ini diketuai oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Amirrudin bin Ahmad dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Tujuan utama penganjuran ekspedisi ini adalah untuk mengumpul data kepelbagaian biologi dalam kawasan Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan yang dapat membantu penyelidik, pengkaji dan pembuat dasar khususnya Kerajaan Negeri dalam usaha mengurus dan memelihara khazanah alam semula jadi di kawasan ini.

Ekspedisi ini mendapat sambutan luar biasa dengan penyertaan seramai 112 penyelidik dari pelbagai universiti dan agensi antaranya Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lain-lain. Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan merupakan kawasan yang kaya dengan kepelbagaian biologi flora, fauna dan ekosistem yang unik serta sering menjadi tumpuan pelancong dan pencinta alam.

Penganjuran ekspedisi ini bukan hanya penting untuk Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) tetapi juga bagi Kerajaan Negeri Terengganu dalam mengumpulkan data penting untuk dasar dan hala tuju pengurusan sumber hutan. Kajian dan penyelidikan yang dijalankan akan memberi gambaran mengenai kekayaan sumber biologi di kawasan ini yang berpotensi untuk dipromosikan sebagai destinasi eko-pelancongan popular di peringkat negeri mahupun negara.




*Flag Off* Ekspedisi Saintifik oleh
Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu




Pegawai-pegawai JPNT bergambar kenangan
selepas *Flag Off* Ekspedisi Saintifik



Sesi Pembentangan Hasil
Penemuan Ekspedisi




Majlis Penutup Ekspedisi Dirassmikan oleh
Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan)



Antara spesies flora yang dijumpai
semasa Ekspedisi Saintifik



Antara spesies serangga yang dijumpai
semasa Ekspedisi Saintifik



Antara spesies kulat yang dijumpai
semasa Ekspedisi Saintifik

## SANTAI MAKAN MALAM (*GALA DINNER*) PEJABAT HUTAN DAERAH TERENGGANU BARAT

Disediakan oleh: Mohd Hafiz bin Hamzah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA BERANG, 9 OKTOBER 2024**

Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat (PHDTB) telah menganjurkan satu Program Jamuan Makan Malam (*Gala Dinner*) bersama semua kakitangan Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat di Qiu's Event House & Suite Stay, Kuala Berang Hulu Terengganu pada 9 Oktober 2024.



Ucapan alu-aluan oleh Pegawai Hutan Daerah Terengganu Barat, Encik Mohd Hafiz bin Hamzah

Program julung kali ini diadakan telah dirasmikan oleh Encik Mohd Hafiz bin Hamzah, Pegawai Hutan Daerah Terengganu Barat. Secara keseluruhan seramai 120 kakitangan yang melibatkan semua unit dan Pejabat Hutan Renj telah hadir pada program kali ini. Tema program pada kali ini adalah Pakaian Seragam Sekolah adalah bertujuan bagi mengimbau kembali zaman persekolohan kakitangan PHDTB ketika dahulu.

Selain itu, pelbagai acara telah dipertandingkan antaranya adalah seperti pertandingan karaoke, cabutan bertuah, Pakaian Seragam Sekolah paling kemas, Pejabat Hutan Renj. Terbaik dan Anugerah Pekerja Cemerlang di Peringkat PHDTB. Secara umumnya, program ini akan diadakan secara tahunan bagi memberi penghargaan kepada kakitangan di semua peringkat PHDTB yang telah bertungkus-lumus dalam melaksanakan kerja-kerja yang telah diamanahkan demi meningkatkan prestasi jabatan. Selain itu, program ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama diantara kakitangan di PHDTB.



Kakitangan Pentadbiran PHDTB



Jamuan makan malam PHDTB



Kakitangan Renj dan lapangan PHDTB

## SUNTIKAN ROHANI JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU: PROGRAM BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH BULANAN

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA TERENGGANU, 17 OKTOBER 2024**

Program Bacaan Yasin dan Tazkirah Bulanan di bawah seliaan Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (I-MITS) telah berjaya diadakan pada setiap bulan. Program yang telah diadakan pada kali ke-10 ini telah mengupas tajuk berkaitan Integriti Dalam Tugasan Harian yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan Ustaz Wan Ahmad Zuki bin Wan Ismail daripada Akademi Didik Ulama Amilin Terengganu (DUAT). Program Bacaan Yasin dan Tazkirah Bulanan ini diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 8, Wisma Negeri.



Mendengar tazkirah oleh Penceramah Jemputan

Pengarah Perhutanan Negeri, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, Timbalan Pengarah Pentadbiran Kewangan, Pegawai-pegawai kanan dan kakitangan JPNT telah turut serta dalam menjayakan program ini. Program Bacaan Yasin dan Tazkirah Bulanan yang dilaksanakan oleh JPNT adalah bertujuan untuk mendapat fadhilat dan keberkatan dalam urusan kerja seharian. Walaupun sentiasa sibuk dengan tugasan harian, pelaksanaan program berunsurkan keagamaan ini dapat memupuk jiwa agar sentiasa berada dalam landasan yang betul. Selain itu, bacaan Surah Yasin tidak hanya mempunyai nilai keagamaan yang tinggi tetapi juga memberikan manfaat spiritual yang besar dan baik untuk individu mahupun jabatan.

Program ini dilihat memberikan impak positif kepada kakitangan dan jabatan semoga terus terpelihara dari segala keburukan dan dimudahkan segala urusan kerja harian jabatan. Program Bacaan Yasin dan Tazkirah Bulanan ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang yang akan diadakan pada setiap bulan. Program ini diakhiri dengan jamuan makan tengah hari.



Penceramah menyampaikan tazkirah



PPNT menyampaikan cenderamata kepada penceramah jemputan



Sesi soal jawap di antara kakitangan JPNT dengan penceramah jemputan

## SETIAP PERTEMUAN PASTI ADA PERPISAHAN: MAJLIS KALUNGAN KASIH SANJUNGAN BUDI

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

**KUALA TERENGGANU, 22 Oktober 2024**

Majlis Kalungan Kasih Sanjungan Budi telah diadakan di Sumai Hotel & Resort pada 22 Oktober 2024 bagi meraikan tiga (3) orang pegawai iaitu Puan Noor Azrien binti Zainon, Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan) dan Cik Zaida binti Zakaria, Penolong Pengarah (Hutan Lipur) yang akan berpindah ke Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia manakala Puan Maziah binti Mahtar, Penolong Pengarah (Operasi dan Penguatkuasaan) yang akan berpindah ke Jabatan Perhutanan Negeri Pahang berkuat kuasa 15 Oktober 2024 setelah mencurahkan khidmat bakti dengan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu yang mengucapkan jutaan terima kasih sepanjang berkhidmat di JPNT. Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu kehilangan tiga (3) pegawai serentak dalam masa yang sama, sesungguhnya amat terasa dihati setelah bersama sekian lama, bersama-sama susah senang menggalas tugas yang diamanahkan. Puan Noor Azrien binti Zainon yang mula melaporkan diri 1 Mei 2023 sebagai Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan) meninggalkan keluarga jauh di KL. Dalam tempoh satu (1) tahun tujuh (7) bulan berkhidmat di JPNT, pelbagai isu dan masalah dapat dirungkai.

Manakala Cik Zaida binti Zakaria mula bekhidmat di JPNT sebagai Penolong Pengarah (Hutan Lipur) pada 15 Disember 2017 dalam Gred G41, oleh kerana khidmat bakti masih diperlukan, pada 30 November 2022, kenaikan pangkat ke Gred G44 masih menjawat jawatan yang sama. Tempoh enam (6) tahun 10 bulan telah memberi ruang pelbagai aktiviti lasak dilaksanakan. Seterusnya Puan Maziah binti Mahtar mula berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Gred G27 pada 1 Ogos 2011 dan bertukar ke Ibu Pejabat JPSM setelah kenaikan pangkat Gred G41 untuk tempoh 10 bulan dan kembali semula ke JPNT pada 15 Julai 2016. Pelbagai pengalaman bidang operasi telah ditimba memberi keyakinan diri untuk terus melangkah dalam tempoh 8 tahun 3 bulan di JPNT.

Ucapan perpisahan ketiga-tiga pegawai yang bertukar mengundang sedikit sebak apabila mengenangkan pelbagai kisah kenangan pahit manis sepanjang bertugas di JPNT. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kenang-kenangan oleh PPN, TPPN, Ketua-ketua Bahagian dan Pegawai-pegawai Hutan Daerah. Majlis diakhiri dengan sesi bersalaman dan bergambar kenang-kenangan.



Ucapan Alu-aluan Pengarah Perhutanan Negeri



Pegawai yang diraikan



Jamuan makan tengah hari




Sesi bersalaman dan bermaafan




Bergambar kenangan bersama pegawai yang diraikan




Kakitangan sokongan bergambar kenangan dengan pegawai yang diraikan

# JPN KELANTAN

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 5 HINGGA 7 NOVEMBER 2024 | KURSUS DENDROLOGI DAN PENGECAMAN SPESIES KERUING |
| 2 | 21 NOVEMBER 2024 | PROGRAM KONSERVASI DAN RAWATAN KAWASAN TANAMAN PANTAI DI PANTAI MEK MAS, KOTA BHARU, KELANTAN |
| 3 | 23 NOVEMBER 2024 | PROGRAM KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA PERSATUAN BERBASIKAL NEGERI KELANTAN |

**KURSUS DENDROLOGI DAN PENGECAMAN SPESIES KERUING BAGI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN**

Disediakan oleh: Razlina Ermi binti Rejab
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**KOTA BHARU, 5 HINGGA 7 NOVEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Kelantan telah melaksanakan kursus dendrologi dan pengecaman spesies pokok Keruing bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Keruing, Bukit Bakar, Machang, Kelantan.

Objektif utama kursus ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran kakitangan dalam bidang pengecaman pokok dan daun serta meningkatkan kemahiran kakitangan untuk memberi maklumat dan panduan kepada orang awam berhubung dengan jenis-jenis pokok serta penggunaannya. Amali kursus telah diadakan di Hutan Simpan Kekal Ulu Sat dan Petak Hutan Pelajaran 1000 Spesies.

Kursus ini telah dihadiri seramai 75 orang peserta melibatkan tiga (3) jajahan dan unit yang berkaitan. Pihak jabatan telah menjemput tenaga pengajar, Encik Salleh bin Endot merupakan pesara Renjer Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu serta dibantu oleh beberapa orang fasilitator dari Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.



Sesi bergambar bersama peserta dan tenaga pengajar



Ujian pengecaman spesies pokok



Ujian pengecaman spesies daun

**PROGRAM KONSERVASI DAN RAWATAN KAWASAN TANAMAN PANTAI DI PANTAI MEK MAS, KOTA BHARU, KELANTAN**

Disediakan oleh: Akmal Zawani binti Abdul Kadir
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**KOTA BHARU, 21 NOVEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) akan mengadakan Program Konservasi dan Rawatan Kawasan Tanaman Pantai di Pantai Mek Mas, Kota Bharu, Kelantan. Seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JPNK yang bersama-sama untuk bergotong-royong kali ini. Sebanyak 60 pokok Rhu pantai telah di tanam untuk program tersebut.

Tujuan program ini diadakan untuk menjalankan kerja-kerja konservasi dengan mengadakan sesi gotong-royong serta menyelenggara blok tanaman yang sedia ada di kawasan tersebut. Program ini juga dilaksanakan sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.



Sesi bergambar selepas penanaman pokok Rhu



Kerja-kerja penanaman pokok Rhu



Sesi gotong-royong oleh pegawai dan kakitangan JPNK

**PROGRAM KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA PERSATUAN BERBASIKAL NEGERI KELANTAN**

Disediakan oleh: Mohamad Zawawi bin Ab Rahman
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**MACHANG, 23 NOVEMBER 2024**

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bersama Persatuan Berbasikal Negeri Kelantan telah berlangsung dengan jayanya. Program ini melibatkan penyertaan seramai 100 orang peserta dan berjaya menanam sebanyak 1,000 pokok. Antara jenis pokok yang ditanam termasuk Balau, Resak, Giam, Damar hitam dan Mersawa.

Lokasi program adalah di Taman Eko Rimba Bukit Bakar merupakan sebuah kawasan yang kini menjadi tarikan baharu untuk aktiviti berbasikal. Penanaman pokok dilakukan di sepanjang trek berbasikal *Mountain Bike* di taman tersebut. Trek berbasikal ini telah dibangunkan pada tahun ini dan mendapat pengiktirafan bertaraf antarabangsa. Trek tersebut juga telah digunakan dalam penganjuran Kelantan MTB *Challenge* (EXO RACE) 2024 pada 19 hingga 21 Oktober 2024 yang menarik minat penyertaan seramai 200 peserta dari dalam dan luar negara termasuk dari Indonesia, India dan Thailand.

Kempen penanaman pokok ini bertujuan untuk memulihkan kawasan terosot di Taman Eko Rimba Bukit Bakar dengan menanam semula pokok-pokok hutan. Selain itu, inisiatif ini juga menyokong komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan hutan. Usaha ini diharap dapat memastikan kelestarian alam sekitar dan menyumbang kepada pengekalan biodiversiti.



Suasana ceria sempena program penanaman pokok di Taman Eko Rimba Bukit Bakar

# JPN KEDAH

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | JUN HINGGA DISEMBER 2024 | KARNIVAL HARI ALAM SEKITAR, KEDAH SEJAHTERA LESTARI BERSAMA TAHUN 2024 PERINGKAT PARLIMEN-PARLIMEN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN |
| 2 | 30 JULAI 2024 | PROGRAM KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) BERSAMA BATALION KEENAM REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA (RAMD) KEM SULTAN ABDUL HALIM MUA'ADZAM SHAH |
| 3 | 31 OGOS 2024 | PERTANDINGAN ISTIADAT PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN MALAYSIA YANG KE-67 PERINGKAT NEGERI KEDAH |
| 4 | 10 OKTOBER 2024 | MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI SEMPENA PERSARAAN DAN MAJLIS APRESIASI PEGAWAI SERTA KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH TAHUN 2024 |
| 5 | 19 DAN 20 OKTOBER 2024 | KARNIVAL LESTARI ALAM SEKITAR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA |
| 6 | 15 HINGGA 17 NOVEMBER 2024 | KARNIVAL JERAI GEOPARK: e-DUIT DESA YAN KEDAH DARUL AMAN |

## KARNIVAL HARI ALAM SEKITAR, KEDAH SEJAHTERA LESTARI BERSAMA TAHUN 2024 PERINGKAT PARLIMEN-PARLIMEN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Disediakan oleh: Nurliyana Aqilah binti Asri
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**KEDAH, JUN HINGGA DISEMBER 2024**

Karnival Kedah Sejahtera Lestari Bersama ini bakal menjelajah kesemua 15 Parlimen dalam Negeri Kedah dalam tempoh bagi tahun 2024-2025. Antara pengisian program adalah seperti:

- Reruai pameran agensi berkaitan
- Forum Perdana/Kuliah
- Malam Kesenian/Kebudayaan
- Gotong-royong Perdana
- *Fun Walk*/Konvoi Motosikal/*Fun Ride*/*Fun Run*
- Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Empat Penjuru
- Pertandingan Mewarna Sayangi Alam Sekitar
- Reruai Niaga Usahawan
- Penyerahan bantuan kepada orang kampung
- Cabutan bertuah

Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Haji Muhammad Yusoff @ Munir bin Zakaria, Exco Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah dan turut dihadiri oleh YB ADUN kawasan tersebut.

Antara lokasi tersebut adalah seperti berikut:

- 27-29 Jun 2024: Masjid Sementara Pekan Naka (Parlimen Padang Terap).
- 25-27 Julai 2024: Masjid Al-Maa'rufi, Kuala Kedah (Parlimen Kuala Kedah).
- 23 Ogos 2024: Masjid At-Tahir, Kampung Sungai Gelam, Bedong (Parlimen Merbok).
- 27-29 September 2024: Masjid Al-Falah, Sungai Tiang (Parlimen Pendang).
- 24-27 Oktober 2024: Dataran Putra, Jerlun (Parlimen Jerlun).
- 30 November 2024: Masjid Pekan Gurun, Gurun (Parlimen Jerai).
- 28 Disember 2024: Dataran Putra, Kuala Nerang (Parlimen Padang Terap).

Program yang merupakan jalinan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar demi kesejahteraan bersama, selaras dengan inisiatif kerajaan negeri ke arah kelestarian alam.



Penyerahan Cenderamata kepada YB Tuan Haji Mohammad Yusoff @ Munir oleh Pegawai Hutan Daerah Kedah Utara di reruai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



Sesi bergambar antara kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan YB Tuan Haji Mohammad Yusoff @ Munir




Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang bertugas menjaga *booth* pameran

**PROGRAM KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) BERSAMA BATALION KEENAM REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA (RAMD) KEM SULTAN ABDUL HALIM MUA'ADZAM SHAH**

Disediakan oleh: Mohammad Amirul Aiman bin Mohammad Noor
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**JITRA, 30 JULAI 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) telah menjalankan program Penanaman Pokok Hutan yang berjaya diadakan di sekitar Kem Sultan Abdul Halim Mua'adzam. Dalam program ini, sebanyak 500 pokok hutan dari pelbagai spesies telah ditanam oleh 500 anggota tentera yang menyertai Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA).

Program ini bukan sahaja menonjolkan kerjasama erat antara Jabatan Perhutanan dan Batalion Keenam RAMD, tetapi juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara alam sekitar. Dengan melibatkan anggota tentera secara aktif dalam aktiviti ini dapat memupuk sikap tanggungjawab terhadap pemeliharaan ekosistem dan warisan hijau negara, program ini secara tidak langsung juga merupakan tanggungjawab utama anggota tentera dalam menjaga negara.

Selain itu, program ini juga diharapkan dapat memberi contoh kepada masyarakat umum tentang betapa pentingnya usaha kolektif dalam menjaga dan memulihara alam sekitar. Kejayaan program ini menunjukkan bahawa gabungan antara agensi kerajaan dan institusi pertahanan boleh memainkan peranan penting dalam usaha perlindungan alam sekitar dan memperkukuhkan komitmen bersama dalam menjaga negara untuk generasi akan datang.





Bergambar kenangan bersama anggota tentera dalam aktiviti penanaman pokok bersama kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah





Bergambar kenangan pemberian cenderahati bersama Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (En Mohamad bin Abdulah) dan Pegawai Memerintah, Batalion Keenam (Leftenan Kolonel Muhammad Bashiruddin bin Jamaludin)

**PERTANDINGAN ISTIADAT PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN MALAYSIA YANG KE-67 PERINGKAT NEGERI KEDAH**

Disediakan oleh: Husna Aini Habibah binti Muazam
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**ALOR SETAR, 31 OGOS 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah memenangi tempat ke-3 bagi Pertandingan Istiadat Perbarisan dan Perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-67 Peringkat Negeri Kedah. Perbarisan telah dianggotai seramai 33 orang kakitangan dan Encik Azhar bin Murad adalah selaku penyelaras bagi pasukan kawad Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

Pertandingan Istiadat Perbarisan dan Perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia adalah program yang diadakan pada setiap tahun sempena sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Peringkat Negeri Kedah dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah tidak melepaskan peluang ini bagi menonjolkan bakat dan semangat yang ada dalam kalangan kakitangan Jabatan ini.




Perbarisan dianggotai seramai 33 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah




Sesi bergambar penerimaan piala, *mock cheque* dan sijil penyertaan kepada Pengarah Perhutanan Negeri Kedah oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah

**MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI SEMPENA PERSARAAN DAN MAJLIS APRESIASI PEGAWAI SERTA KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH TAHUN 2024**

Disediakan oleh: Husna Aini Habibah binti Muazam
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**JITRA, 10 OKTOBER 2024**

Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Sempena Persaraan dan Majlis Apresiasi Pegawai serta Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Tahun 2024 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim di Darulaman Golf & Country Club, Jitra, Kedah. Majlis ini merupakan insiatif Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bagi menghargai para pegawai dan kakitangan yang bersara serta penghargaan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan.

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim telah menyampaikan hadiah serta sijil penghargaan kepada 11 orang kakitangan yang telah bersara dan 26 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2024 (Prestasi 2023). YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim turut menyampaikan Anugerah Khas Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bagi Kejohanan Kawad, Kejohanan Bowling dan Kejohanan Bola Sepak.

Majlis tersebut turut diraikan bersama Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, YBrs. Tuan Muhamad bin Abdullah, Timbalan Pengarah (Pembangunan), YBrs. Puan Rosaizan Haryani binti Rosli, Timbalan Pengarah (Operasi), YBrs. Encik Mohd Asri bin Yussof, penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diraikan, para pesara serta warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.



Sesi bergambar bersama Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah




Sesi penyampaiam sijil yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari bin Ibrahim kepada penerima Anugerah Khas bagi Kejohanan Bowling

## KARNIVAL LESTARI ALAM SEKITAR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA

Disediakan oleh: Nurliyana Aqilah binti Asri
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**LANGKAWI, 19 DAN 20 OKTOBER 2024**

Karnival Lestari Alam Sekitar sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN 2024) anjuran Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), menjadi platform penting dalam menyemarakkan kesedaran serta kecintaan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini dirancang dan dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pengumpulan *e-waste*, pameran agensi, *petting zoo*, kuiz kesedaran alam sekitar serta pemeriksaan kesihatan.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah turut mengambil bahagian sebagai pempamer utama dengan menampilkan usaha-usaha dan inisiatif berkaitan pengurusan hutan secara mampan. Karnival ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES, yang diiringi oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar. Turut hadir adalah YB Tuan Haji Mohamad Yusoff @ Munir bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah, serta Encik Mohamad Subhi bin Abdullah, Pegawai Daerah Langkawi, bersama ketua-ketua jabatan, agensi dan wakil-wakil jemputan.

Salah satu acara kemuncak dalam karnival ini adalah penyampaian Anugerah Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) bagi sesi 2023/2024 peringkat kebangsaan. Sebanyak 30 buah sekolah telah diiktiraf sebagai pemenang dalam pelbagai kategori sebagai penghargaan atas usaha mereka dalam mempromosikan kelestarian dan kesedaran alam sekitar di peringkat sekolah. Karnival ini berjaya menarik penyertaan yang memberangsangkan dan mencerminkan usaha kolektif semua pihak dalam mendidik masyarakat tentang pentingnya memelihara dan memulihara alam sekitar demi masa depan yang lebih lestari.




Penyerahan cenderamata daripada Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Kedah kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam




Sesi bergambar antara kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah di hadapan *booth* pameran

**KARNIVAL JERAI *GEOPARK :* e-DUIT DESA YAN, KEDAH DARUL AMAN**

Disediakan oleh: Nurliyana Aqilah binti Asri
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**YAN, 15 HINGGA 17 NOVEMBER 2024**

Karnival Jerai Geopark merupakan program tahunan bagi memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat berkenaan Jerai *Geopark* yang telah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan bermula pada tahun 2017. Program ini adalah merupakan inisiatif pentadbiran daerah Yan untuk mempromosikan Jerai Geopark kepada masyarakat umum. Selain itu juga, Jerai *Geopark* adalah merupakan produk utama yang bakal diketengahkan sempena Tahun Melawat Kedah 2025. Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga turut dijemput sebagai agensi pempamer bagi karnival ini.

Selain itu juga, turut diadakan dalam program ini adalah Program ‘e-Duit’ dengan tema “Selamat, Senang, Segera”, iaitu kempen untuk mempercepat penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran) di Malaysia. Kempen e-Duit melibatkan penggunaan kad pembayaran, e-dompet serta perbankan internet dan mudah alih. Melalui kempen e-Duit, industri pembayaran akan menggerakkan usaha di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran orang ramai dan membina keyakinan pengguna terhadap penggunaan e-pembayaran.




Sesi bergambar kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang bertugas di hadapan *booth* pameran

# JPN JOHOR

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 17 HINGGA 21 SEPTEMBER 2024 | EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN DI HUTAN SIMPAN GUNUNG ARONG, MERSING |
| 2 | 23 NOVEMBER 2024 | GUNUNG ARONG *CHALLENGE* 2024 |

## EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN DI HUTAN SIMPAN GUNUNG ARONG, MERSING

Disediakan Oleh : Asfaezzah Binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

**MERSING, 17 HINGGA 21 SEPTEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta *Global Environment Centre* (GEC) telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing. Ekspedisi ini telah berlangsung selama lima (5) hari bermula pada 17 hingga 21 September 2024. Program ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai kepelbagaian biologi di kawasan hutan semula jadi negara khususnya di Hutan Simpanan Kekal. Majlis pelepasan para peserta ekspedisi telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor pada jam 3:00 petang (17 September 2024) di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Mersing. Seramai 132 peserta dari pelbagai pihak seperti institusi pengajian tinggi awam dan swasta, jabatan serta agensi kerajaan, institut penyelidikan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah terlibat dalam ekspedisi ini. Para peserta dibahagikan kepada 33 kumpulan penyelidik untuk menjalankan kajian secara sistematik terhadap kepelbagaian biologi yang terdapat di Hutan Simpan Gunung Arong.

Ekspedisi ini memberi tumpuan kepada tujuh (7) skop kajian utama iaitu flora, fauna, sosial, geologi, hidrologi, rekreasi dan alam sekitar. Sepanjang tempoh tiga (3) hari kajian lapangan para penyelidik telah berkongsi pengetahuan dan hasil penemuan mereka. Antara penemuan penting yang direkodkan termasuk kewujudan kelima-lima strata hutan iaitu Hutan Dipterokap Pamah, Hutan Kerangas, Hutan Paya Gambut, Hutan Paya Laut dan Hutan Paya Air Tawar. Dalam kajian kulat makro (macrofungi), empat (4) spesies yang berpotensi sebagai spesies baharu telah dikenal pasti iaitu *Craterellus* sp., *Hericium* sp., *Hydnum* sp., dan *Crocinobaletus* sp.. Selain itu, spesies *Pisolithus aurantioscabrosis* dan *Micropuros carneohniger* turut ditemui dengan banyak di kawasan ini. Kajian herpetofauna pula berjaya menemui dua spesies anura iaitu *Ingerophrynus* sp. (kodok) dan *Microhyla* sp. (katak). Penemuan lain yang signifikan termasuk pengesahan permatang kuarza serta penemuan 32 spesies lumut di mana *Papilidiopsis bruchii* dikenal pasti sebagai spesies yang menarik.

Penemuan-penemuan ini menggambarkan kekayaan biodiversiti yang terdapat di Hutan Simpan Gunung Arong dan menekankan kepentingan pemeliharaan serta pemuliharaan kawasan ini. Ekspedisi ini turut memberi sumbangan penting dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan memastikan pengurusan hutan yang lebih lestari. JPNJ mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan ekspedisi ini. Diharapkan usaha ini akan terus membuka ruang kepada lebih ramai penyelidik untuk mendalami dan memahami kepelbagaian biologi yang unik di daerah Mersing sekali gus memastikan khazanah alam semula jadi ini terus terpelihara untuk generasi akan datang.



Sesi bergambar semasa Majlis Perasmian Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Gunung Arong



Aktiviti dilapangan semasa Ekspedisi Saintifik yang diadakan di HS Gunung Arong, Mersing




Ucapan Majlis Perasmian oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor



Pematang kurza yang terdapat di HS Gunung Arong, Mersing

## GUNUNG ARONG *CHALLENGE* 2024

Disediakan Oleh : Mohd Iqbhal Hisham bin Sazali
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

**MERSING, 23 NOVEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama *Mountain Goat Events*, Kelab Aktiviti Luar Ribuan Kembara Johor dan *United Nations Development Programme* (UNDP) Malaysia, Singapura dan Brunei menganjurkan Gunung Arong *Challenge* 2024 (GAC 2024). Program larian ini berlangsung di Taman Eko Rimba Teluk Arong, Mersing bertujuan mempromosikan Hutan Simpan Gunung Arong sebagai destinasi ekopelancongan utama di Negeri Johor.

Edisi ketiga ini menarik penyertaan 583 peserta dari dalam dan luar negara seperti Singapura, Hong Kong, China, Filipina, Jepun dan Poland. Tiga (3) kategori larian disediakan – 10km, 25km dan 35km – meliputi empat (4) kategori pertandingan iaitu Lelaki Terbuka, Perempuan Terbuka, Lelaki Veteran dan Perempuan Veteran. Pelepasan larian telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Haji Jamil Hasni bin Abdullah, Pegawai Daerah Mersing diiringi oleh YBrs Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Selain acara larian GAC 2024 turut diadakan dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna, sukan rakyat (permainan baling selipar dan galah panjang) serta pameran daripada agensi-agensi seperti UNDP, Jabatan Perikanan Johor, Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (EKOMAR), Global Environment Center (GEC), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan JPNJ sendiri. Karnival ini melibatkan penyertaan seramai 120 pelajar dari sekolah rendah dan tabika di sekitar daerah Mersing.

Majlis penyampaian hadiah turut disempurnakan oleh Pegawai Daerah Mersing dengan pelbagai hadiah menarik ditawarkan seperti wang tunai, trofi, medal, hamper dan sijil. Pemenang acara larian juga menerima *finisher T-shirt* sebagai simbol kejayaan.

JPNJ berharap penganjuran GAC 2024 dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan menarik lebih ramai pengunjung untuk menerokai khazanah Hutan Simpan Gunung Arong sebagai destinasi ekopelancongan unggul di Johor.




*Flag-Off* di sempurnakan oleh Pegawai Daerah Mersing diiringi Timbalan Pengarah Perhutanan JPNJ



Aktiviti pameran yang telah menarik minat beberapa agensi untuk sertai antaranya UNDP, GEC dan lain-lain agensi



Pertandingan mewarna yang disertai oleh murid Tabika Perpaduan daripada sekitar Daerah Mersing



Pertandingan Sukan Rakyat pelajar Sekolah Kebangsaan sekitar Daerah Mersing

# JPN Negeri Sembilan

## JULAI-DISEMBER 2024

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 11 JULAI 2024 | JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN MENERIMA ANUGERAH *GOLD AWARD* MYTQA OLEH MOTAC DI PORT DICKSON *FOREST* SUNGAI MENYALA |
| 2 | 2 DAN 3 OGOS 2024 | PROGRAM LAWATAN DAN TAKLIMAT KESELAMATAN BERSAMA PENGARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DAN KETUA POLIS NEGERI SEMBILAN |
| 3 | 20 HINGGA 22 OGOS 2024 | KURSUS ULANGKAJI INVENTORI HUTAN SEBELUM TEBANGAN (PRE-F) DAN PENANDAAN POKOK DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN |
| 4 | 11 SEPTEMBER 2024 | UJIAN PENILAIAN KECERGASAN FIZIKAL BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN |
| 5 | 30 SEPTEMBER HINGGA 4 OKTOBER 2024 | KURSUS PEMANTAPAN PASUKAN PEROLEHAN BIJI BENIH DAN PENGURUSAN TAPAK SEMAIAN |
| 6 | 16 OKTOBER 2024 | MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) YANG KE 123 TAHUN DAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH NEGERI SEMBILAN UTARA, JELEBU, NEGERI SEMBILAN |

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN MENERIMA ANUGERAH *GOLD AWARD* MYTQA OLEH MOTAC DI PORT DICKSON *FOREST* SUNGAI MENYALA**

Disediakan Oleh: Noor Izianti binti Ishak
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

**PORT DICKSON, 11 JULAI 2024**

PD Forest Sungai Menyala yang terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan telah berjaya mengukuhkan statusnya sebagai destinasi ekopelancongan utama di Malaysia apabila menerima pengiktirafan *Gold Award* daripada Anugerah Malaysia *Tourism Quality Assurance* (MyTQA) pada 20 Disember 2023. Pengiktirafan ini, yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), merupakan satu pencapaian besar kerana ia diberikan kepada destinasi pelancongan yang memenuhi standard tinggi dalam aspek kualiti perkhidmatan, pengurusan, pemeliharaan alam sekitar dan kelestarian. Pengiktirafan ini sah sehingga 19 Disember 2026, dengan syarat destinasi tersebut terus mengekalkan kriteria dan standard yang ditetapkan.

Anugerah MyTQA adalah sebahagian daripada inisiatif MOTAC untuk memastikan destinasi pelancongan di Malaysia mencapai tahap kecemerlangan dalam pelbagai aspek. Anugerah ini mempunyai tiga kategori iaitu *Platinum, Gold* dan *Silver*, dengan *Gold Award* yang diterima oleh Port Dickson (PD) *Forest* Sungai Menyala membuktikan komitmen Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam menguruskan kawasan ini sebagai destinasi yang bukan sahaja menawarkan pengalaman berkualiti kepada pengunjung tetapi juga memelihara kelestarian alam semula jadi.

Pengiktirafan ini memberikan impak besar kepada kedudukan PD *Forest* Sungai Menyala sebagai lokasi yang selamat, bersih dan mesra pelancong. Ia juga menambah keyakinan pengunjung terhadap pengalaman berkualiti yang ditawarkan. Namun untuk mengekalkan anugerah ini selama tiga tahun, pihak pengurusan perlu menunjukkan usaha berterusan dalam aspek kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dan amalan hijau seperti pengawalan aliran pengunjung bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara. Selain PD *Forest* Sungai Menyala, Muzium Tentera Port Dickson turut menerima *Gold Award* manakala Muzium Lukut dianugerahkan *Silver Award*. Pencapaian ini menjadikan Port Dickson semakin dikenali sebagai pusat tarikan pelancongan yang menonjol dengan standard kualiti bertaraf kebangsaan.

Secara keseluruhannya penerimaan *Gold Award* ini bukan sahaja menjadi bukti terhadap usaha berterusan dalam menyediakan pengalaman pelancongan yang terbaik tetapi juga memberi cabaran kepada PD Forest Sungai Menyala untuk terus memperbaiki dan mengekalkan standard tinggi yang telah dicapai. Ini menjadikan kawasan tersebut sebagai simbol ekopelancongan yang mampan dan berkualiti, memberi manfaat kepada masyarakat setempat serta menarik lebih ramai pengunjung ke Negeri Sembilan.


MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

MALAYSIA TOURISM QUALITY ASSURANCE

*This is to certify that*

**PD FOREST @ SG MENYALA**

*has been awarded*

**GOLD AWARD**

NATURE, ADVENTURE & ECO - TOURISM

(Validity: 20 December 2023 - 19 December 2026 )

DATO SRI TIONG KING SING
*Minister of Tourism, Arts and Culture*

SERIAL No: 2023/031

Sijil Pengiktirafan daripada pihak MOTAC bermula Disember 2023 hingga Disember 2026


MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

GOLD AWARD

PD FOREST @ SG MENYALA
20 Disember 2023 - 19 Disember 2026

MyTQA

Malaysia Tourism Quality Assurance

PD Forest Sungai Menyala telah berjaya menerima pengiktirafan berprestij *Gold Award* daripada Anugerah MyTQA

## PROGRAM LAWATAN DAN TAKLIMAT KESELAMATAN BERSAMA PENGARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DAN KETUA POLIS NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Nur Ainina Khairunnisa binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

### TAMAN NEGERI KENABOI, 2 DAN 3 OGOS 2024

Program Lawatan dan Taklimat Keselamatan bersama Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Ketua Polis Negeri Sembilan bersempena Pembukaan Taman Negeri Kenaboi telah berlangsung dengan jayanya pada 2 hingga 3 Ogos 2024. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara Kepimpinan Tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Negeri Sembilan bersama semua anggota PDRM Kontinjen Negeri Sembilan serta Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS). Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk aktiviti penanaman pokok, pendakian ke Gunung Besar Hantu dan lawatan ke Jeram Berungut dan Lata Kijang. Pihak jabatan juga turut mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat YDH DCP Dato' Ahmad Dzaffir b. Mohd Yusoff, Ketua Polis Negeri Sembilan dan YBrs. Tuan Haji Hamidi bin Abd. Halim, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Taman Negeri, Puan Nur Ainina Khairunnusa binti Othman.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai matlamatnya dengan penglibatan seramai 175 orang pegawai kanan polis dan anggota polis rendah dari PDRM Kontinjen Negeri Sembilan. Hubungan erat yang terjalin antara PDRM dan JPNNS diharapkan akan terus diperkukuhkan pada masa hadapan, di samping memupuk kerjasama yang lebih erat dalam menjaga keselamatan dan kelestarian alam sekitar di negeri ini.



Ketua Polis Negeri Sembilan dan Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan bersama urus setia program



Sesi penyerahan cenderamata dari Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan kepada Ketua Polis Negeri Sembilan



Lawatan dan aktiviti di sekitar Taman Negeri Kenaboi (Lata Kijang)



Sesi penyerahan cenderamata dari Ketua Polis Negeri Sembilan kepada Timbalan Pengarah Operasi Negeri Sembilan



Penolong Pengarah Taman Negeri bersama ahli PERKEP, Kontijen PDRM Negeri Sembilan



Aktiviti Penanaman Pokok oleh Ketua Polis Negeri Sembilan

## KURSUS ULANGKAJI INVENTORI HUTAN SEBELUM TEBANGAN (PRE-F) DAN PENANDAAN POKOK BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Norfazilah binti Sayal Ruddin
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

**KUALA KLAWANG, 20 HINGGA 22 OGOS 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan terus menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kakitangan lapangan diberikan latihan yang berkualiti khususnya dalam kursus-kursus teras yang menyokong peranan utama jabatan. Usaha ini sejajar dengan keperluan standard MS ISO 9001:2015 dan juga Pensijilan Pengurusan Hutan (MC&I SFM) bagi tujuan memastikan pelaksanaan pengurusan hutan yang mampan dan berintegriti.

Kursus Ulangkaji Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) dan Penandaan Pokok telah berjaya dilaksanakan selama tiga (3) hari pada 20 hingga 22 Ogos 2024 dengan melibatkan 45 orang kakitangan jabatan merangkumi sesi teori dan juga simulasi lapangan. Objektif utama kursus ini adalah untuk memperkukuhkan pengetahuan peserta tentang kaedah dan teknik penting seperti prinsip asas inventori hutan, kemahiran teknikal lapangan serta kaedah pengumpulan dan analisis data. Para peserta telah diberikan pendedahan menyeluruh mengenai teknik penandaan pokok yang betul sebelum proses pengusahasilan, memastikan agar proses tersebut dilakukan secara profesional dan selari dengan amalan terbaik dalam pengurusan hutan. Pada asasnya kerja-kerja penandaan pokok adalah termasuk kerja-kerja penandaan pokok tebangan, pokok ibu, pokok perlindungan, pokok jalan, pokok matau, pokok tapak kongsi dan sempadan zon penampan alur air mengikut had batas tebangan yang ditetapkan.

Turut hadir pada kursus ini, Timbalan Pengarah (Operasi), Encik Raffae bin Ahmad bagi merasmikan majlis penutup kursus. Kursus ini dibimbing oleh tenaga pengajar berpengalaman iaitu Tuan Haji Solehan bin Saorani dan Encik Mokhtar bin Jantan yang berjaya memberikan input bernilai kepada peserta. Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang menunjukkan komitmen serta kerjasama yang cemerlang sepanjang tempoh kursus berlangsung.



Kakitangan Jabatan yang terlibat bersama Timbalan Pengarah Operasi dan Pegawai Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara



Para peserta dan tenaga pengajar semasa aktiviti Simulasi Inventori Pre-F di lapangan



Aktiviti berkumpulan Modul Bancian Pre-F

## UJIAN PENILAIAN KECERGASAN FIZIKAL BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Norita binti Sutahar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

**SEREMBAN, 11 SEPTEMBER 2024**

Merujuk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkaitan Penambahbaikan Pelaksanaan Bayaran Intensif Tugas Memanjat Pokok (BITMP) sebanyak RM200 sebulan untuk diperuntukkan kepada pegawai yang diarah melaksanakan tugas memanjat pokok bagi mengumpul biji benih hutan berkuatkuasa 1 Januari 2024, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan berhasrat untuk melantik kakitangan jabatan yang berpotensi dan berkelayakkan untuk menjalankan tugas sebagai Ahli Pasukan Memanjat Pokok Jabatan.

Calon-calon yang terdiri daripada kakitangan lapangan yang telah dikenalpasti oleh pihak jabatan akan diberikan latihan secara khusus dalam meningkatkan kemahiran berkaitan teknik memanjat yang betul. Kakitangan ini juga akan melalui beberapa proses penilaian termasuk ujian penilaian kecergasan fizikal sebelum ditauliahkan sebagai Pasukan Memanjat Jabatan. Ujian Penilaian Kecergasan Fizikal bagi Pasukan Memanjat dan Pasukan Penyelamat Jabatan telah dilaksanakan dengan jayanya pada 11 September 2024 (Rabu) bertempat di Balai Bomba & Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan, Seremban 2. Ujian ini adalah sebahagian daripada proses penting dalam menilai tahap kecergasan kakitangan sebelum mereka layak ditauliahkan sebagai anggota pasukan. Turut hadir memberikan sokongan kepada semua calon terlibat adalah Timbalan Pengarah (Pembangunan), Encik Mohd Rizal bin Sabran.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang amat cemerlang serta lulus dalam ujian penilaian ini. Dedikasi yang mereka tunjukkan membuktikan keupayaan mereka untuk menjalankan tugas yang penting ini. Dengan adanya pasukan yang dilatih khusus seperti ini, Jabatan pasti akan lebih bersedia dalam melaksanakan tugas memantau, menyelamat dan menjaga kelestarian alam semula jadi terutamanya dalam tugas-tugas yang melibatkan persekitaran hutan yang mencabar.




Peserta bersama Pegawai Bomba Seremban 2 serta urus setia



Peserta wanita tunggal dari Pasukan Memanjat Jabatan



Sesi Ujian Memanjat



Sesi Ujian Kelenturan



Sesi Ujian Kecergasan Kadiovaskular

## KURSUS PEMANTAPAN PASUKAN PEROLEHAN BIJI BENIH DAN PENGURUSAN TAPAK SEMAIAN

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

**CHALOK, 30 SEPTEMBER HINGGA 4 OKTOBER 2024**

Kursus Pemantapan Pasukan Perolehan Biji Benih dan Pengurusan Tapak Semaian, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah berjaya dilaksanakan selama lima (5) hari empat (4) malam bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Chalok, Terengganu. Kursus ini melibatkan dua (2) pasukan utama iaitu Pasukan Perolehan Biji Benih atau Pasukan Memanjat Jabatan seramai 15 orang dan Pasukan Tapak Semaian Jabatan seramai 15 orang.

Pasukan Memanjat Jabatan yang terpilih ini telah terlebih dahulu menjalani Ujian Penilaian Kecergasan Fizikal bersama Pasukan BOMBA dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan serta LULUS sebelum mengikuti Kursus Asas Memanjat Pokok bagi kutipan biji benih. Pasukan ini juga telah berjaya memperolehi Sijil Pentauliahan Asas Pemanjat Pokok oleh Jurulatih Bertauliah dari Petzl Malaysia dan layak untuk dilantik bagi melaksanakan tugas-tugas memanjat pokok bagi kutipan biji benih. Sesi Lawatan Pembelajaran ke Pusat Pengkomersialan Teknologi & Bisnes (CB) MARDI, Serdang yang merupakan salah satu lokasi tapak semaian yang berjaya menghasilkan biji benih dan bahan tanaman yang memenuhi piawaian SIRIM serta spesifikasi benih antarabangsa *International Seed Testing Association* (ISTA) bagi tanaman komersil dan pertanian selain menjadi salah satu Pusat Jualan Anak Pokok Pertanian yang berjaya juga telah dilaksanakan.

Turut hadir ke Pusat Latihan Perhutanan Chalok, Terengganu, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Encik Mohd Rizal bin Sabran bagi memberi sokongan kepada peserta dan merasmikan Majlis Penutup. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta, barisan tenaga pengajar, fasilitator dan urus setia yang memberikan komitmen terbaik.




Sesi Lawatan Pembelajaran ke Pusat Pengkomersialan Teknologi dan Bisnes (CB) MARDI, Serdang



Pasukan Tapak Semaian Jabatan bersama Tenaga Pengajar



Satu-satunya ahli wanita Pasukan Memanjat Jabatan



Pasukan Memanjat Jabatan bersama Jurulatih Bertauliah Petzl



Aktiviti merumput di tapak semaian

## MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) YANG KE 123 TAHUN DAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH NEGERI SEMBILAN UTARA, JELEBU, NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Nurul Firdaus binti Juhan
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

**JELEBU, 16 OKTOBER 2024**

Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara (PHDNSU), Jelebu telah menganjurkan Majlis Sambutan Ulang Tahun (JPSM) yang Ke-123 Tahun dan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat PHDNSU, Jelebu, Negeri Sembilan.

Lokasi sambutan ulang tahun ini diadakan di bekas matau utama, Kompartmen 52, Hutan Simpan Pasoh yang mana melibatkan kakitangan PHDNSU, Jelebu seramai 50 orang. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Operasi), Pegawai Hutan Daerah Negeri Sembilan Timur, Kuala Pilah, Pegawai Hutan Daerah Negeri Sembilan Barat, Seremban, kakitangan Taman Negeri Kenaboi dan kakitangan Tapak Semaian Mantin. Tetamu jemputan yang hadir adalah Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Felda Pasoh, Pengurus Pejabat Felda Pasoh 4 dan wakil Korperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan (PPNS), Tuan Haji Hamidi bin Abdul Halim. Bersempena dengan hari yang bersejarah ini juga, Tuan PPNS menyampaikan ucapan selamat menyambut ulang tahun ke-123 kepada seluruh warga jabatan yang telah menabur bakti dan taat setia kepada jabatan selama ini. Sebagai simbolik kepada sambutan ulang tahun JPSM yang ke-123, sebanyak 123 batang pokok telah ditanam di kawasan bekas matau utama, Kompartmen 52, Hutan Simpan Pasoh.

Pada akhir majlis diadakan sesi penyerahan anak pokok Petai kepada tetamu jemputan yang hadir dan juga diadakan penyampaian sijil penyertaan yang mana melibatkan kakitangan PHDNSU dan kakitangan Taman Negeri Kenaboi dalam acara yang telah dianjurkan oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sempena Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024. Antaranya adalah Projek Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan dan penyertaan serta sijil kemenangan sempena Pertandingan *Explorace* Perkhidmatan Awam.



Tuan PPNS menanam pokok Kembang semangkok antara 123 batang pokok yang ditanam



Penyerahan anak pokok Petai kepada Pengurus Felda Pasoh 4



Sesi bergambar Tuan PPNS bersama kakitangan jabatan dan komuniti



Penyampaian sijil kemenangan sempena Pertandingan *Explorace* Perkhidmatan Awam Setiusaha Kerajaan Negeri Sembilan



Acara memotong kek ulang tahun ke 123 JPSM

# JPN MELAKA

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 8 OGOS 2024 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA BERSAMA KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH JASIN |
| 2 | 28 SEPTEMBER 2024 | JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA, POLITEKNIK PORT DICKSON DAN PERHILITAN MELAKA BERGANDING BAHU DALAM PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2024 |
| 3 | 28 SEPTEMBER 2024 | PROGRAM BERSAMA RHB BANK, MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA |

**PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA BERSAMA KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH JASIN**

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

**JASIN, 8 OGOS 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) dengan kerjasama Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Masjid Tanah telah menganjurkan Program Tanam Pokok Sempena Hari Kebangsaan ke-67 pada 8 Ogos 2024 di Taman Eko Rimba (TER) Bukit Batu Lebah, Jasin, Melaka.

Program ini turut dihadiri oleh Syahir Afizi Abd Aziz, Penolong Pemelihara Hutan JPNM, Encik Adi Faiz bin Ramlan, Ketua Unit Pembangunan Pelajar serta Encik Mohd Fitri bin Ab Rasid, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) KKTM Masjid Tanah. Seramai 60 pelajar KKTM Masjid Tanah dengan bantuan staf Pejabat Hutan Daerah Jasin telah berjaya menanam 50 pokok Meranti rambai daun (*Rubroshorea acuminata*) di sekitar kawasan perkhemahan TER Bukit Batu Lebah.

Selain aktiviti penanaman pokok, para pelajar turut bergotong-royong membersihkan kawasan TER bagi memastikan persekitaran yang lebih lestari. Mereka juga menyertai aktiviti *orienteering* yang bertujuan membangunkan kemahiran navigasi menggunakan peta dan kompas untuk mencari lokasi dalam hutan.

Penganjuran program ini bukan sahaja menanam rasa cinta terhadap alam sekitar malah meningkatkan kesedaran umum mengenai kepentingan pemuliharaan hutan dan ekosistem di Malaysia.




Sekumpulan pelajar dan tenaga pengajar yang menyertai Program Penghijauan Malaysia



Peserta program dari KKTM sedang melakukan aktiviti penanaman pokok



Gambar kenangan peserta untuk Program Penghijauan Malaysia di TER Bukit batu Lebah

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA, POLITEKNIK PORT DICKSON DAN PERHILITAN MELAKA BERGANDING BAHU DALAM PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2024**

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

**ALOR GAJAH, 28 SEPTEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) dengan kerjasama Politeknik Port Dickson, PUSPANITA JPNM dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Melaka telah menganjurkan Program Penghijauan Hutan dan Kelestarian Alam sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) 2024. Program ini berlangsung di Taman Eko Rimba Tanjung Tuan merupakan kawasan hutan simpan yang terkenal dengan kepelbagaian flora dan faunanya.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, En. Khirun Nizam bin Abdul Rahim, diiringi oleh wakil-wakil dari institusi rakan kerjasama. Sebagai simbolik perasmian beliau telah menanam sepohon pokok Geronggang (*Cratoxylum cochinchinense*) yang penting dalam ekosistem hutan. Sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan seramai 100 peserta termasuk pegawai JPNM, pensyarah serta pelajar Politeknik Port Dickson, ahli PUSPANITA JPNM dan pegawai PERHILITAN telah menanam 100 anak pokok daripada spesies seperti Meranti seraya, Meranti rambai daun, Meranti sarang punai, Balau sengkawang ayer dan Merbau. Pemilihan spesies ini disesuaikan dengan ekosistem hutan setempat bagi menyokong biodiversiti.

Selain penanaman pokok, aktiviti pembersihan hutan turut dijalankan bagi memastikan kebersihan dan keseimbangan ekosistem. Para peserta juga berpeluang menyertai lawatan ke *ViewPoint* @Tanjung Tuan, yang menawarkan pemandangan indah Selat Melaka serta memberi kesedaran tentang kepentingan memelihara khazanah alam semula jadi.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang digerakkan oleh kerajaan. Sambutan HHA 2024 yang bertemakan "Hutan dan Inovasi: Ke Arah Solusi Yang Lebih Baik" menekankan kepentingan inovasi dalam pemuliharaan alam sekitar bagi menangani cabaran perubahan iklim serta memastikan pembangunan yang lestari.



Pengarah Perhutanan Negeri Melaka bersama Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Port Dickson, Pengerusi PUSPANITA JPNM dan Pengarah PERHILITAN Melaka dalam aktivit penanaman pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Aktivti penanaman pokok oleh para peserta yang terlibat



Sesi bergambar antara peserta dan urus setia

**PROGRAM BERSAMA RHB BANK, MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA**

Disediakan oleh: Mohd Shahril Nizam bin Mat Ali
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

**AYER KEROH, 28 SEPTEMBER 2024**

Program RHB "*Touch Heart* 2024", hasil kerjasama antara RHB Bank, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) telah berlangsung dengan jayanya di Taman Botanikal, Ayer Keroh. Program ini diadakan bersempena sambutan Hari Cuci Malaysia 2024 dan menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang merupakan satu inisiatif nasional dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Lebih kurang 400 peserta yang terdiri daripada kakitangan RHB Bank, MPHTJ dan JPNM telah berganding bahu dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar Taman Botanikal. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan keindahan alam semula jadi selaras dengan aspirasi negara dalam pemeliharaan ekosistem hijau. Sebagai simbolik kepada program ini, satu sesi penanaman pokok turut diadakan dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Acara ini menandakan komitmen jabatan yang berterusan dalam menghijaukan persekitaran bandar dan menggalakkan penyertaan komuniti dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Dengan adanya program seperti ini, diharapkan lebih banyak pihak akan terlibat secara aktif dalam menjaga kebersihan dan kelestarian kawasan hijau sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan alam sekitar bagi generasi akan datang.



Suasana yang ceria semasa Program Bersama RHB Bank, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Penanaman pokok dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



Sesi bergambar antara peserta dan urus setia

# JPN PULAU PINANG

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 31 OGOS 2024 | PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024 |
| 2 | 3 OKTOBER 2024 | PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024 |
| 3 | 26 OKTOBER 2024 | PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024 |

## PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

Disediakan oleh: Mohamad Amirul Hafiz bin Md Sobri
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

**PADANG KOTA, 31 OGOS 2024**

Pameran Perhutanan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 telah diadakan pada 31 Ogos 2024 bertempat di Padang Kota, Pulau Pinang. Pengisian reruai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk mempromosikan Program Penghijauan Malaysia - Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 Taman Eko-Rimba dan Taman Negeri yang terdapat negeri Pulau Pinang. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menyumbangkan sebanyak 80 anak pokok terdiri daripada jenis pokok Jambu air, Kelat paya, Tongkat ali dan Melur kepada orang ramai untuk ditanam di kawasan premis dan kediaman masing-masing. Kunjungan dan sambutan yang baik daripada orang ramai telah memeriahkan lagi reruai- reruai pameran oleh agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat korporat disamping perarakan dan persembahan yang disajikan sepanjang Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024.





Pengunjung ceria apabila dapat membawa pulang anak pokok yang diberikan secara percuma oleh JPNPP sempena Sambutan hari Kebangsaan



Reruai JPNPP yang diserbu oleh pengunjung untuk mendapatkan maklumat mengenai Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

## PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

Disediakan oleh: Mohamad Amirul Hafiz bin Md Sobri
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

**BUTTERWORTH, 3 OKTOBER 2024**

Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 telah diadakan pada 3 Oktober 2024 bertempat di PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah menyertai sesi pameran sempena sambutan ini. Pengisian bagi reruai pameran Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang adalah bagi mempromosikan Program Penghijauan Malaysia - Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, Taman Eko-Rimba dan Taman Negeri yang terdapat negeri Pulau Pinang. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menyumbangkan sebanyak 100 anak pokok terdiri daripada jenis Kipas bulat, Petai, Setar, Jambu keling dan Jambu air kepada orang ramai untuk ditanam di kawasan premis dan kediaman masing-masing.

Antara pengisian sepanjang sambutan ini adalah Pelancaran Sistem e-MOSPlan, Penyampaian Sijil Penghargaan MURNInets, Penyampaian Anugerah Tokoh Perancang Bandar 2024, Sesi Diskusi Berkaitan Transformasi Digital Teras Perancangan Negeri Pintar dan lawatan YAB Tuan Chow Kon Yeow ke reruai pameran agensi Kerajaan dan Badan Berkanun. Program ini mendapat sambutan yang amat baik daripada orang ramai yang hadir selain memeriahkan lagi pameran sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia.







Pengunjung bergambar di hadapan reruai JPNPP bersama anak pokok yang diberikan secara percuma di samping mendapatkan maklumat mengenai Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow menyerahkan sijil penyertaan kepada wakil JPNPP

**PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024**

Disediakan oleh : Mohamad Amirul Hafiz bin Md Sobri
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

**SEBERANG PERAI SELATAN, 26 OKTOBER 2024**

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Pulau Tahun 2024 telah diadakan pada 26 Oktober 2024 bertempat di Eco World Gallery @ Eco Horizon, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, Exco Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang.

Pengisian reruai Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) adalah bagi mempromosikan jabatan, Program Penghijauan Malaysia - Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, Taman Eko-Rimba dan Taman Negeri yang terdapat negeri Pulau Pinang. Sebanyak 40 anak pokok terdiri daripada jenis pokok Kipas bulat, Jambu keling, Mas cotek dan Mahkota dewa telah disumbangkan kepada pengunjung yang hadir untuk ditanam di premis dan kediaman masing-masing. Sambutan ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang baik dari dif-dif jemputan dan orang ramai yang hadir.





Pengunjung ceria apabila dapat membawa pulang anak pokok yang diberikan secara percuma oleh JPNPP sempena Sambutan Hari Alam Sekitar




Pengunjung mendapatkan maklumat mengenai Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di reruai JPNPP

# JP WILAYAH PERSEKUTUAN

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 20 DAN 21 JULAI 2024 | PESERTA LARIAN KUALA LUMPUR *FOREST ECO PARK ENDURANCE* (KLFEPE) DAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA |
| 2 | 5 DISEMBER 2024 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK DI TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR BERSAMA INDIGO HOTEL KUALA LUMPUR |

**PESERTA LARIAN KUALA LUMPUR *FOREST ECO PARK ENDURANCE* (KLFEPE) DAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA**

Disediakan oleh: Mohd Firdaus bin Mohd Rajis
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR, 20 DAN 21 JULAI 2024**

Hijo Running Club (Projek Hijo) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) telah menganjurkan program istimewa di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) yang berjaya menarik penglibatan seramai 77 peserta ini merupakan gabungan unik antara aktiviti sukan dan kempen kesedaran alam sekitar. Para peserta menunjukkan semangat yang tinggi apabila menyertai dua (2) acara utama iaitu *Watermelon Sunglass Ultra* dan Kuala Lumpur *Forest Eco Park Endurance* (KLFEPE).

Acara ini turut menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Sepanjang program, sebanyak 50 anak pokok bernilai tinggi seperti Merbau (*Intsia palembanica*), Perah (*Elateriospermum tapos*), Balau (*Shorea sp.*), Sentul (*Sandoricum koetjape*), Keruing (*Dipterocarpus sp*.), dan Durian (*Durio sp.*) telah ditanam dan diedarkan kepada peserta. Aktiviti penanaman ini bukan sahaja memberi peluang kepada peserta untuk menyumbang kepada penghijauan negara tetapi juga menanamkan semangat cinta kepada alam sekitar.

Majlis penyerahan anak pokok dan pelepasan peserta disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Zahari Bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). Turut hadir ialah YBhg. Dato' Mohd Rahim Bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar & Perancangan) dan YBrs. Encik Azrul Ekhuan Bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan yang merasmikan program ini.

Program ini tidak hanya memupuk gaya hidup aktif dan sihat, tetapi juga bertujuan untuk mempromosikan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) sebagai destinasi utama ekopelancongan yang berkonsepkan Hutan Pendidikan Alam Semula Jadi (*Nature Education*). TERKL, yang terletak di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur merupakan salah satu kawasan hijau utama atau '*Green Lung*' yang menawarkan ketenangan dan keindahan alam semula jadi. Laluan larian denai yang menyusuri hutan ini memberikan peserta pengalaman mendalam tentang keunikan ekosistem yang perlu dipelihara.

Melalui program ini, mesej penting disampaikan kepada masyarakat bahawa kelestarian alam sekitar dan gaya hidup aktif dapat dilaksanakan secara harmoni. Setiap langkah kecil seperti menanam pokok dan menyertai aktiviti hijau adalah sebahagian daripada usaha besar untuk memelihara warisan hutan kita. JPWP berharap agar program seperti ini dapat menarik lebih banyak penglibatan komuniti dalam aktiviti penghijauan dan pemuliharaan alam sekitar demi manfaat generasi akan datang.

Kesimpulannya, program larian di TERKL bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan fizikal peserta, tetapi juga memperkukuh kesedaran tentang kepentingan melindungi ekosistem semula jadi. Melalui usaha bersama kelestarian alam sekitar dapat terus dipelihara sebagai warisan berharga untuk masa depan.



Sesi bergambar antara KPPSM, peserta dan urus setia bagi KLFEPE



Sesi penyerahan anak pokok kepada peserta larian oleh KPPSM



Aktiviti menanam pokok sempena Kempen Penghijaun Malaysia bersama peserta larian

**PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK DI TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR BERSAMA INDIGO HOTEL KUALA LUMPUR**

Disediakan oleh: Mohd Firdaus bin Mohd Rajis
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR, 5 DISEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) dengan kerjasama strategik Indigo Hotel (IHG) Kuala Lumpur telah melaksanakan aktiviti penanaman pokok di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL). Program ini merupakan sebahagian daripada Program Penghijauan Malaysia – Pasca Program KL *Green Symphony* 2024 dan turut diadakan sempena ulang tahun pertama IHG Kuala Lumpur yang akan disambut pada 8 Disember 2024.

Majlis ini telah dihadiri oleh Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan dan Puan Ashleigh Garside, Pengurus Besar Hotel Indigo bersama 20 orang kakitangan IHG Kuala Lumpur. Sebanyak 30 pokok daripada spesies bernilai tinggi seperti Salam (*Syzygium polyanthum*), Kari (*Murraya Koenigii*), Limau kasturi (*Citrus macrocarpa*) dan Mangga (*Mangifera indica*) berjaya ditanam di sekitar TERKL. Penanaman ini menjadi simbol komitmen untuk menyumbang kepada usaha penghijauan negara. Selain itu, sebanyak 150 anak pokok daripada spesies yang sama telah diedarkan kepada pengunjung TERKL sebagai langkah mempromosikan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menanam pokok sebagai langkah utama dalam memerangi perubahan iklim serta memulihara alam sekitar.

Program ini juga mencerminkan komitmen berterusan IHG Kuala Lumpur terhadap kelestarian alam sekitar melalui usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR). Sambutan ulang tahun pertama hotel tersebut tidak hanya diraikan dengan kejayaan operasi tetapi juga melalui sumbangan bermakna kepada komuniti dan alam sekitar. Aktiviti penanaman pokok ini membawa mesej penting kepada pengunjung dan masyarakat bahawa kelestarian alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Ia memberi inspirasi kepada lebih ramai individu untuk terlibat dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan sekali gus menyokong matlamat Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Kesimpulannya, usaha kolaboratif antara JPWP dan IHG Kuala Lumpur melalui program ini bukan sahaja menyumbang kepada kehijauan TERKL, tetapi juga meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga bumi untuk generasi akan datang. Aktiviti seperti ini membuktikan bahawa kemajuan ekonomi dan kelestarian alam sekitar boleh bergerak seiring demi masa depan yang lebih baik.



Gambar kenangan peserta, urus setia dan Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan semasa penanaman pokok di TERKL



Gambar kenangan Kempen Penghijauan Malaysia bersama kakitangan Indigo Hotel Kuala Lumpur



Aktiviti menanam pokok sempena Kempen Penghijauan Malaysia

# BAHAGIAN PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 16 HINGGA 18 JULAI 2025 | BENGKEL PINDAAN PEKELILING KPPSM BIL. 20 TAHUN 2020: PROSES KERJA PEMANTAUAN KEMAJUAN PENGUSAHASILAN HSK, TANAH KERAJAAN DAN TANAH MILIK |

**BENGKEL PINDAAN PEKELILING KPPSM BIL. 20 TAHUN 2020: PROSES KERJA PEMANTAUAN KEMAJUAN PENGUSAHASILAN HSK, TANAH KERAJAAN DAN TANAH MILIK**

Disediakan oleh: Mohd Shafiq bin Abdul Latif @ Ismail
Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan

**AIOR STAR, 16 HINGGA 18 JULAI 2024**

Seksyen Pensijilan Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Bengkel Pindaan Pekeliling KPPSM Bil. 20 Tahun 2020: Proses Kerja Pemantauan Kemajuan Pengusahasilan Hutan Simpan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan dan Tanah Milik bertempat di Hotel Travelodge, Ipoh. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan daripada Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk menilai keberkesanan penggunaan format laporan yang telah disediakan dalam draf pekeliling tersebut melalui pelaksanaan simulasi di lapangan oleh pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri. Selain itu, bengkel ini turut bertujuan mendapatkan maklum balas yang konstruktif daripada para peserta berkaitan cadangan pindaan pekeliling tersebut. Sesi bengkel dimulakan dengan taklimat pengenalan berkenaan pekeliling oleh Puan Kholizan binti Jamaludin diikuti dengan latihan amali di lapangan. Para peserta telah memberikan pelbagai pandangan dan cadangan penambahbaikan yang bernilai untuk dimuatkan dalam draf akhir pekeliling ini. Secara keseluruhan, bengkel ini telah mencapai objektifnya dalam memperkukuhkan kandungan pekeliling melalui penglibatan aktif dan input yang komprehensif daripada para peserta.



Sesi bergambar antara peserta dan urus setia bengkel



Peserta memberikan maklumbalas penambahbaikan berkenaan draf pekeliling



Sesi pengisian maklumat menggunakan format laporan di lapangan oleh peserta bengkel

# BAHAGIAN PENGURUSAN HUTAN

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 21 NOVEMBER 2025 | FLORA DALAM INVENTORI HUTAN NASIONAL KEENAM (IHN-6) |
| 2 | 2 DISEMBER 2025 | LAWATAN KERJA KE LANDSKAP TANAH GAMBUT MALUDAM SARAWAK |

## FLORA DALAM INVENTORI HUTAN NASIONAL KEENAM (IHN-6)

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Bahagian Pengurusan Hutan

**KUALA LUMPUR, 21 NOVEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) terus komited dalam mengemas kini data sumber hutan di Semenanjung Malaysia melalui proses Inventori Hutan Nasional (IHN) yang dijalankan secara berkala setiap 10 tahun sejak tahun 1970. Usaha ini memastikan maklumat terkini berkaitan hutan darat dan hutan paya gambut di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) serta Tanah Kerajaan (TK) dapat direkodkan dan dianalisis dengan teliti.

Proses terkini iaitu Inventori Hutan Nasional Ke-6 (IHN-6), telah dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Hutan JPSM dari tahun 2020 hingga 2023. Inventori ini melibatkan lebih kurang 790 unit persampelan dan menggunakan pendekatan kualitatif serta kuantitatif untuk memastikan hasil kajian yang menyeluruh. Hasil IHN-6 menunjukkan beberapa penemuan signifikan. Dalam konteks bilangan pokok dan kayu direkodkan sebanyak 1,684.55 anak pokok/hektar, 310.44 pokok jaras kecil/hektar dan 333.39 pokok bersaiz 10 cm ke atas/hektar. Bagi tumbuhan ubatan Kacip fatimah merupakan spesies terbanyak direkodkan dengan kepadatan sebanyak 15.98 pokok/hektar. Selain itu, kumpulan rotan, buluh dan palma didapati masing-masing didominasikan oleh Rotan manau, Buluh semantan dan Kelubi.

Analisis inventori ini turut membuktikan keberkesanan sistem pengurusan memilih yang diamalkan di hutan pengeluaran. Sistem ini berjaya memastikan Hutan Simpanan Kekal dapat pulih hampir menyerupai keadaan asal (hutan dara) selepas tempoh 30 tahun. Penemuan ini menegaskan pentingnya pelaksanaan pengurusan hutan secara mampan bagi menjamin kelestarian sumber hutan untuk generasi akan datang. Kesimpulannya, usaha berterusan JPSM dalam pemantauan sumber hutan melalui IHN-6 tidak hanya menyediakan data yang relevan untuk pengurusan hutan tetapi juga menyumbang kepada usaha pemuliharaan biodiversiti di Semenanjung Malaysia. Komitmen ini menjadi bukti bahawa kelestarian hutan adalah keutamaan yang diberi perhatian serius demi kelangsungan ekosistem semula jadi.



Kacip fatimah



Anak pokok Merbau



Mas cotek



Pokok Bebuta

## LAWATAN KERJA KE LANDSKAP TANAH GAMBUT MALUDAM SARAWAK

Disediakan oleh: Nor Hidayu binti Abd Razak
Bahagian Pengurusan Hutan

**KUCHING, 2 DISEMBER 2024**

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang melaksanakan Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in* Malaysia (SMPEM) yang merupakan inisiatif antarabangsa dengan sokongan dana daripada *International Fund for Agricultural Development* (IFAD). Projek ini dimeterai melalui perjanjian pada 17 Disember 2020 ketika kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang bertindak sebagai wakil Kerajaan Malaysia.


Projek SMPEM diuruskan melalui sebuah akaun amanah khas iaitu Akaun Amanah Projek IFAD/GEF Pengurusan Hutan Tanah Gambut yang diselia oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Akaun ini dikawal berdasarkan arahan dan penyelarasan jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk tujuan tersebut. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh pelaksanaan projek satu (1) Lawatan Kerja ke Landskap Tanah Gambut Maludam, Sarawak telah diadakan pada 2 Disember 2024. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam pengurusan tanah gambut khususnya di salah satu lokasi utama di bawah Projek SMPEM.

Delegasi lawatan ini diketuai oleh YBrs. Puan Norsham binti Abdul Lattip, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), NRES yang mewakili YBhg. Datuk Ketua Setiausaha, NRES. Lawatan ini telah diuruskan dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Projek Negeri Sarawak (SPMO Sarawak), Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forest Corporation (SFC) dan Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak (MuDeNR). Delegasi tersebut telah dibawa melawat Taman Negara Maludam yang merupakan salah satu kawasan utama pengurusan tanah gambut di Sarawak. Program lawatan ini turut merangkumi sesi taklimat mengenai pengurusan taman negara tersebut serta kunjungan ke Pusat Fertigasi yang diusahakan oleh salah seorang peserta program fertigasi di bawah Projek SMPEM.

Lawatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada ahli jawatankuasa akaun amanah untuk memahami lebih mendalam tentang pengurusan tanah gambut tetapi juga mempamerkan kejayaan pelaksanaan Projek SMPEM dalam memperkenalkan inisiatif fertigasi yang mampan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen semua pihak yang terlibat dalam memastikan ekosistem tanah gambut Malaysia dipelihara untuk manfaat generasi akan datang.




Ahli Jawatankuasa Akaun Amanah dan Jawatankuasa Pemandu bergambar kenangan di Taman Negara Maludam Sarawak



Menyusuri Sungai Maludam Sarawak



Pegawai SMPEM dan Sabah Forestry Corporation sedang memberikan taklimat kepada semua pegawai yang hadir



Keindahan Sungai Maludam kaya dengan biodiversiti

# BAHAGIAN SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN

## BIOLOGI HUTAN

## JULAI-DISEMBER 2024

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 18 HINGGA 21 NOVEMBER 2024 | PERSAMPELAN KEPELBAGAIAN SPESIES TERJADUAL DAN SPESIES YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI DI DI GUNUNG SARUT, TERENGGANU |
| 2 | 1 DISEMBER 2024 | PENGANJURAN EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN BAGI TAHUN 2024 KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI |

## PERSAMPELAN KEPELBAGAIAN SPESIES TERJADUAL DAN SPESIES YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI DI GUNUNG SARUT, TERENGGANU

Disediakan oleh: Juliana binti Yahya
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

**SETIU, 18 HINGGA 21 NOVEMBER 2024**

Gunung Sarut dipilih sebagai lokasi aktiviti persampelan pada kali ini adalah untuk memberi fokus kepada spesies Periuk kera iaitu salah satu genus utama dalam kumpulan tumbuhan karnivor dan dikelaskan dalam famili Nepenthaceae. Gunung Sarut mempunyai ketinggian 1,229 meter dari aras laut terletak di Kompartment 75, Hutan Simpan Hulu Nerus dan laluan masuk adalah melalui Taman Eko-Rimba Lata Payung. Jarak perjalanan ke Kem Bonzai yang merupakan tapak perkhemahan para peserta mengambil masa 5 jam perjalanan dengan jarak pendakian sejauh 7 kilometer. Aktiviti persampelan pada kali ini disertai oleh kakitangan Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, Jabatan Kimia Malaysia dan Malim Gunung Perhutanan. Tujuan utama persampelan ini adalah untuk memperoleh sampel spesies untuk melengkapkan maklumat pangkalan data *Deoxyribonucleic acid* (DNA) seperti mana termaktub di dalam Nota Kerjasama yang termeterai antara Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Kawasan pergunungan ini dominasi dengan taburan spesies *Nepenthes gracilis* di sepanjang laluan pendakian hingga ke puncak Gunung Sarut. Kawasan pergunungan ini sangat kaya dengan taburan periuk kera antaranya *Nepenthes malayensis*, *Nepenthes latiffiana*, *Nepenthes macfarlanei*, *Nepenthes ampullaria*, *Nepenthes domei* dan *Nepenthes sanguinea*. Selain itu, turut dijumpai spesies kacukan semula jadi iaitu *Nepenthes x setiuansis* iaitu kacukan semula jadi antara *Nepenthes macfarlanei* dan *Nepenthes gracilis*.

Walaupun kawasan ini telah dijelajahi, masih terdapat banyak habitat dan lokaliti di pergunungan yang belum diterokai sepenuhnya. Ini membuka kemungkinan penemuan rekod atau spesies baharu yang belum dikenal pasti di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, usaha berterusan untuk mengkaji kepelbagaian spesies ini adalah amat penting. Kajian seperti ini bukan sahaja membantu melengkapkan rekod kepelbagaian spesies sedia ada tetapi juga memperkukuhkan usaha pihak pengurusan JPSM dalam memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi negara. Aktiviti persampelan ini mencerminkan komitmen terhadap kelestarian alam semula jadi, menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang biodiversiti serta memelihara warisan alam untuk generasi akan datang.





Aktiviti persampelan kepelbagaian spesies terjadual
yang dilaksanakan di Gunung Sarut, Terengganu



**PENGANJURAN EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN BAGI TAHUN 2024 KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI**

Disediakan oleh: Juliana binti Yahya
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

**KUALA LUMPUR, 1 DISEMBER 2024**

Sejak tahun 1999, penganjuran Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan menjadi salah satu aktiviti tahunan yang dianjurkan bersama antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri. Tujuan aktiviti ekspedisi saintifik ini adalah untuk mengumpul maklumat-maklumat kepelbagaian biologi daripada kawasan-kawasan semulajadi khususnya dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) serta menyediakan platform kepada kumpulan pakar dan penyelidik membentang dan membincangkan hasil penemuan kajian dalam aspek fizikal kawasan, sumber biodiversiti dan produk eko-pelancongan.

Pada tahun 2024, sebanyak empat (4) ekspedisi saintifik yang dijalankan iaitu:

i) Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Bukit Jernih, Perlis
ii) Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Gunung Nuang, Hutan Simpan Ulu Langat, Selangor
iii) Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Arong, Mersing, Johor
iv) Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu.


Semua ekspedisi saintifik ini telah diadakan sejak hujung bulan Julai 2024 hingga hujung bulan September 2024. Pelbagai universiti, Jabatan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam aktivti ekspedisi saintifik pada tahun ini dan tidak kurang juga penemuan-penemuan saintifik yang ditemui dan direkodkan. Antaranya adalah:

a) Kewujudan lima (5) strata hutan iaitu Hutan Dipterokarpa Pamah, Hutan Kerangas, Hutan Paya Gambut, Hutan Paya Laut dan Hutan Paya Air Tawar di Hutan Simpan Gunung Arong.

b) Penemuan satu (1) spesies Rentan (VU) iaitu burung Enggang badak serta spesies Diancam Kritikal (CR) iaitu burung Enggang tebang metua telah direkodkan di Gunung Nuang, Hutan Simpan Ulu Langat, Selangor. Penemuan ini menekankan pentingnya usaha pemuliharaan, terutamanya untuk spesies yang lebih terdedah kepada perubahan habitat.

c) Penemuan spesies endemik di Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu iaitu spesies *Ptychopyxis caput-medusae* (mendaroh) dan *Rourea rugosa*. Penemuan lain termasuk spesies yg sangat langka, seperti *Syzygium rheophyticum*. Turut ditemui *Polyalthia pakdin* yang merupakan spesies endemik di Semenanjung Malaysia yang hanya ditemui di Kelantan, Terengganu dan Pahang dan berstatus hampir terancam.

d) Penemuan spesies baharu semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Bukit Jernih, Perlis iaitu *Thismia perlisensis*.




Gambar :
A. Hutan Bukit Jernih, Perlis
B. Hutan Gunung Arong, Mersing, Johor
C. Gunung Nuang, Hutan Simpan Ulu Langat, Selangor
D. Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu



Aktiviti-aktiviti Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Bukit Jernih, Perlis





Aktiviti-aktiviti Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Arong, Mersing, Johor




Aktiviti-aktiviti Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Gunung Nuang, Hutan Simpan Ulu Langat, Selangor



Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Kuala Berang, Terengganu

# BAHAGIAN FOREST EKO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 28 SEPTEMBER 2024 | NRES *RAFTING EXPLORACE* DI *THE HIDEOUT*, GOPENG |
| 2 | 19 OKTOBER 2024 | *FOREST TRAIL CONSERVATION PROGRAMME* |
| 3 | 8 HINGGA 17 NOVEMBER 2024 | *INSTRUCTOR TRAINING COURSE* (ITC) PENDAKIAN ARAS TINGGI DI NEPAL MOUTAIN ACADEMY, KATHMANDU, NEPAL |

**NRES *RAFTING EXPLORACE* DI *THE HIDEOUT*, GOPENG**

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri

**GOPENG, 28 SEPTEMBER 2024**

NRES *Rafting Explorace* telah diadakan di The Hideout, Gopeng, Perak pada 28 September 2024 bersempena dengan sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Tahun 2024 yang terdiri daripada dua (2) kategori iaitu kategori NRES dan kategori Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dimana sebanyak lapan (8) penyertaan daripada jabatan dan agensi di bawah NRES dan 10 penyertaan daripada JPN.

Antara objektif Pertandingan *Rafting Explorace* ini diadakan adalah untuk menyemai kerjasama dan semangat berpasukan, meningkatkan kemampuan mental dan fizikal peserta, meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan tugasan yang diberikan. Para peserta perlu menyusuri sejauh empat (4) kilometer sungai menggunakan *raft* yang telah disediakan dan memerlukan kekuatan mental dan fizikal serta kerjasama berpasukan yang kuat. Selain itu, melalui aktiviti yang dijalankan semasa di *Check point* dapat menguji kemahiran berfikir, berkomunikasi serta menyelesaikan masalah.

Johan bagi kategori NRES dimenangi oleh kumpulan *Geo Hunters* daripada JUPEM, naib johan dimenangi oleh kumpulan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) manakala tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Perak. Bagi kategori JPN, johan dimenangi oleh JPN Selangor, naib johan dimenangi oleh JPN Terengganu dan tempat ketiga dimenangi oleh JPN Perlis. Turut serta dalam aktiviti NRES *Rafting Explorace* ini adalah YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan).




Semua peserta NRES *Rafting Explorace*



Peserta kategori *Very Important Person* (VIP)

## *FOREST TRAIL CONSERVATION PROGRAMME*

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri

**SELANGOR, 19 OKTOBER 2024**

Program *Forest Trail Conservation* telah dianjurkan sempena sambutan ulang tahun ke-123 JPSM yang disambut pada 16 Oktober setiap tahun. Program *Forest Trail Conservation* ini diadakan secara serentak di seluruh Malaysia pada 19 Oktober 2024.

Program ini merupakan inisiatif Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi melindungi dan menambahbaik denai laluan hutan selain meningkatkan aspek keselamatan serta memupuk kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. Program ini digerakkan oleh Malim Gunung Perhutanan (MGP) dan komuniti dengan sokongan oleh Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Program ini juga memberi peluang kepada orang ramai untuk meraikan sambutan hari ulang tahun JPSM Ke-123 dan sebagai tanda sokongan kepada JPSM.

Program *Forest Trail Conservation* ini dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia di mana-mana denai di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan (TK) atau Tanah Milik (TM) dengan kebenaran pihak berkuasa atau pemilik.

Sebanyak 376 program konservasi dan 21,501 orang peserta telah mengambil bahagian dalam melaksanakan program ini. Melalui program ini juga, JPSM telah merekodkan Malaysia Book of Records (MBOR) iaitu di bawah kategori *The Most Simultaneous Trail Conservation Programme* pada 19 Oktober 2024. Majlis penyampaian MBOR telah dilaksanakan di Taman Eko Rimba Kota Damansara, Selangor.




Sijil Malaysia *Book Of Records*



Majlis Penyampaian MBOR di Taman Eko Rimba Kota Damansara, Selangor

## *INSTRUCTOR TRAINING COURSE* (ITC) PENDAKIAN ARAS TINGGI DI NEPAL MOUTAIN ACADEMY, KATHMANDU, NEPAL

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri

**NEPAL, 8 HINGGA 17 NOVEMBER 2024**


Kursus *Instructor Training Course* (ITC) Pendakian Aras Tinggi Luar Negara (AMS) merupakan inisiatif penting yang berfungsi sebagai platform pemindahan pengetahuan kepada pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam aspek pengurusan risiko pendakian. Pengetahuan ini kelak diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kepada Malim Gunung Perhutanan (MGP). Selain itu, kursus ini memenuhi keperluan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai JPSM yang bertindak sebagai tenaga pengajar atau penceramah bagi MGP.

Kursus ini melibatkan penyertaan seramai 15 tenaga pengajar dan penceramah dari JPSM serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA). Pemilihan lokasi kursus di *National Mountain Academy* (NMA) Nepal, dibuat berdasarkan reputasi institusi tersebut yang menawarkan pendidikan dalam bidang kembaraan dan pergunungan dari peringkat sijil hingga ke peringkat sarjana. Program ini merangkumi 10 modul latihan yang melibatkan pembelajaran teori dan praktikal di lapangan serta memberikan pendedahan menyeluruh kepada peserta dalam menguasai teknik dan pengurusan risiko pendakian.

Majlis perasmian kursus ITC diadakan di Godavari *Village Resort*, Kathmandu, Nepal dan dirasmikan oleh Menteri Pertahanan Nepal, Mr. Manbir Rai. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Encik Mohd Firdaus bin Azman, *Charge d'Affaires* Kedutaan Malaysia di Kathmandu, sebagai wakil rasmi dari Malaysia. Pelaksanaan kursus ini bukan sahaja memperkukuh keupayaan peserta dalam aspek teknikal pendakian tetapi juga membina rangkaian kerjasama strategik antara Malaysia dan Nepal dalam bidang pendidikan dan pengurusan aktiviti pergunungan.




Lawatan ke Nepal Mountain Academy



Pakaian bagi kawasan *High Altitude*




Program Majlis Penutup



Ucapan Penghargaan oleh PBEP semasa Majlis Penutup



Modul *Navigation*



Pengujian alatan *Search* and *Resque*



Taklimat sebelum amali lapangan

# BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 6 OGOS 2024 | KUNJUNGAN HORMAT MALAYSIA *FOREST FUND* KEPADA KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA |
| 2 | 9 SEPTEMBER 2024 | LAWATAN DELEGASI JABATAN PERHUTANAN GUANGXI |

**KUNJUNGAN HORMAT MALAYSIA *FOREST FUND* KEPADA KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

**KUALA LUMPUR, 6 OGOS 2024**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menerima sesi kunjungan hormat daripada Malaysia *Forest Fund* (MFF) rentetan daripada pelantikan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang ke-26 pada 29 Julai 2024. Pasukan Malaysia Forest Fund (MFF) diketuai oleh Puan Suhaini binti Haron, Pengarah Bahagian (Pembangunan Korporat dan Strategi) bersama lima (5) anggota kerja Malaysia Forest Fund (MFF) iaitu Puan Ir Ts Hartini binti Azmi, Timbalan Pengarah (Pembangunan Protokol dan Program), Dr. Nazarin Ezzaty binti Najib, Timbalan Pengarah (Perhubungan Kerajaan dan Kerjasama Strategik), Encik Muhammad Omar Haatim bin Harris, Timbalan Pengarah (Strategik Korporat), Puan Siti Farhana binti Mohd Ruslan, Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Korporat dan Projek Khas) dan Encik Muhammad Syafuan bin Ismail, Penolong Pengarah Penyampaian Program.

Malaysia *Forest Fund* (MFF) merupakan organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2020 dan Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada September 2020 untuk membangunkan strategi kewangan yang inovatif dalam aktiviti konservasi hutan. Pemuliharaan dan pemulihan hutan merupakan antara agenda nasional yang perlu direalisasikan melalui pembiayaan secara mampan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% litupan hutan, perlaksanaan polisi berkaitan perhutanan dan biodiversiti dan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 45% menjelang 2030. Oleh yang demikian, pembangunan dan pengoperasian Kerangka Kewangan (*Reducing Emissions From Deforestation and Forest Degradation in Developing Countries*) REDD Plus melalui Malaysia Forest Fund (MFF) adalah langkah awal dalam membangunkan pembiayaan mampan untuk menguruskan sektor perhutanan pada masa kini.

Kunjungan hormat ini merupakan komitmen jaringan kolaborasi Malaysia *Forest Fund* (MFF) dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) disebabkan terdapat perubahan struktur pentadbiran organisasi di peringkat pengurusan tertinggi JPSM. Selain itu juga, sesi kunjungan hormat ini turut membincangkan beberapa program, aktiviti, projek kerjasama yang sedang berlangsung dan memerlukan perhatian khusus daripada pihak pengurusan tertinggi. Status semasa berkenaan projek kerjasama yang telah diadakan adalah melibatkan eksplorasi pembangunan Kajian *Baseline* Karbon Hutan di bawah mekanisme Kerangka Kewangan REDD Plus (RFF). Empat buah (4) negeri telah terlibat dalam pembangunan  Kajian *Baseline* Karbon Hutan ini iaitu Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Kelantan.




Pasukan kunjungan hormat MFF bersama pihak pengurusan JPSM




Pemberian cenderahati daripada MFF kepada JPSM




Pemberian cenderahati daripada JPSM kepada MFF

## LAWATAN DELEGASI JABATAN PERHUTANAN GUANGXI

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

**LARUT DAN MATANG, 9 SEPTEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menerima pemakluman daripada Persatuan Perindustrian Kayu Kayan Malaysia (MWIA) berkenaan hasrat delegasi Jabatan Perhutanan Guangxi, China untuk belajar daripada pengalaman JPSM dalam mengurus kawasan hutan paya laut secara mampan. Secara amnya, Hutan Paya Laut ialah sejenis hutan tanah lembap yang menghubungkan daratan dan lautan di sepanjang garis tropika dan subtropika. Kewujudan Hutan Paya Laut dipengaruhi oleh beberapa faktor persekitaran seperti aras laut, suhu air, saliniti, arus, ribut, kecerunan pantai dan sedimen. Hutan Paya Laut merupakan jenis hutan pertama yang diuruskan secara sistematik di negara ini bermula pada tahun 1905 di Larut & Matang, Perak dan sehingga kini diiktiraf sebagai salah satu model pengurusan Hutan Paya Laut terbaik di dunia.

Delegasi Jabatan Perhutanan Guangxi di Malaysia diharap memanfaatkan lawatan ini untuk mempelajari pengurusan Hutan Paya Laut secara mendalam di Taman Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Taiping, Perak. Encik Khairil bin Sarip selaku Pegawai Hutan Daerah Larut & Matang telah menyambut kedatangan delegasi dan menyampaikan taklimat berkenaan latar belakang kawasan Hutan Paya Laut Matang. Di samping itu juga, Delegasi Guangxi turut diberi peluang untuk melawat kawasan persekitaran Hutan Paya Laut Matang dengan menaiki bot dan di bawa ke kilang pemprosesan arang bagi memberi pendedahan berkenaan konsep ekosistem Hutan Paya Laut Matang dan interaksi sosio-ekonomi yang terlibat bagi penduduk setempat.



Menyelusuri sungai bagi memerhatikan ekosistem Hutan Paya Laut



Delegasi Jabatan Perhutanan Guangxi bersama Pegawai Hutan Daerah Larut & Matang

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 24 DAN 25 JULAI 2024 | KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN *IMEJ REMOTE SENSING* DAN MAKLUMAT SPATIAL DALAM MEMANTAU SUMBER HUTAN SECARA *WEB-BASED* TAHUN 2024 |

**KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN IMEJ *REMOTE SENSING* DAN MAKLUMAT SPATIAL DALAM MEMANTAU SUMBER HUTAN SECARA *WEB-BASED* TAHUN 2024**

Disediakan oleh: Mohamad Shahril bin Zulkifli
Bahagian Pengurusan Maklumat

**KUALA LUMPUR, 24 DAN 25 JULAI 2024**

Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah berjaya menganjurkan Kursus Pemantapan Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat Spatial Dalam Memantau Sumber Hutan Secara *Web-Based* pada 24 dan 25 Julai 2024. Seramai 26 peserta telah mengikuti kursus ini yang dihadiri oleh pegawai daripada IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah menginterpretasi imej *remote sensing* dan maklumat-maklumat spatial dalam memantau sumber hutan dengan lebih cepat. Selain itu, para peserta juga diberi latihan secara *hands on* bagi meningkatkan kemahiran penggunaan modul-modul serta fungsi carian maklumat dalam sistem e-GP dan FMRS Plus.

Secara kesimpulannya, objektif kursus ini telah tercapai dan para peserta mendapat pengetahuan dan latihan penggunaan teknologi GIS dan RS dalam melaksanakan tugasan berkaitan di peringkat Bahagian/ Unit di IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri.




Peserta kursus yang terdiri daripada pegawai di Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri



Peserta kurus sedang melaksanakan amali *hands on* Penggunaan Teknologi GIS dan RS



Taklimat pengenalan kursus *Imej Remote Sensing*

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 17 OGOS 2024 | ANAK POKOK PERCUMA PIKAT HATI PENGUNJUNG PAMERAN JPSM DI PROGRAM MADANI RAKYAT ZON SELATAN 2024 |
| 2 | 2 SEPTEMBER 2024 | SAYEMBARA DEKLAMASI SAJAK “LESTARI KEHIJAUAN MERDEKA” MEMUPUK PATRIOTISME DAN CINTAKAN ALAM |

**ANAK POKOK PERCUMA PIKAT HATI PENGUNJUNG PAMERAN JPSM DI PROGRAM MADANI RAKYAT ZON SELATAN 2024**

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

**SKUDAI, 15 HINGGA 17 OGOS 2024**

Dataran Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah menjadi lokasi pilihan untuk Program Madani Rakyat Zon Selatan 2024 yang berlangsung dengan penuh meriah dan berjaya menarik perhatian ramai. Acara ini menyaksikan pelbagai aktiviti menarik, salah satunya ialah pameran yang disertai oleh pelbagai agensi termasuk Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang diwakili oleh Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam.

Mengangkat tema "Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok", pameran JPSM menampilkan pelbagai aktiviti yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penghijauan dan pemeliharaan alam sekitar. Reruai JPSM menarik perhatian pengunjung dengan cenderamata serta pemberian anak pokok percuma seperti Kelat paya, Salam, Asam gelugor, Duku dan Manggis.

Pameran ini mendapat sambutan luar biasa, dengan 657 pengunjung yang mengunjungi reruai JPSM sepanjang tiga (3) hari acara berlangsung. Pemberian anak pokok secara percuma menjadi tarikan utama seterusnya memberi peluang kepada pengunjung untuk turut serta dalam usaha penghijauan negara serta memahami dengan lebih mendalam peranan kepentingan alam sekitar dalam kelestarian kehidupan.

Kejayaan pameran ini membuktikan komitmen JPSM dalam menyokong kempen penghijauan negara serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap tanggungjawab bersama dalam memastikan bumi yang hijau dan lestari untuk generasi akan datang.




Pengunjung bergambar bersama sebahagian petugas pameran



Pemberian anak pokok secara percuma menjadi tarikan utama pameran JPSM



Pengunjung ceria mendapat anak pokok secara percuma untuk pameran JPSM

**SAYEMBARA DEKLAMASI SAJAK “LESTARI KEHIJAUAN MERDEKA” MEMUPUK PATRIOTISME DAN CINTAKAN ALAM**

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

**PUTRAJAYA, 2 SEPTEMBER 2024**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan bangganya telah menganjurkan Sayembara Deklamasi Sajak bertemakan "Lestari Kehijauan Merdeka" sempena sambutan Bulan Kemerdekaan 2024. Pertandingan dalam talian ini berlangsung dari 12 hingga 23 Ogos 2024 dan berjaya menarik penyertaan dari pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Tema sayembara ini bertujuan menyemai semangat patriotisme dan kecintaan terhadap alam sekitar dalam kalangan penjawat awam.

Keputusan sayembara menyaksikan Pn. Alice Scholastica Kapit dari JPSM dinobatkan sebagai johan melalui sajaknya yang berjudul "Kau Tak Mampu Beli Merdeka", naib johan pula dimenangi oleh En. Muhammad Alsyafiq bin Jamal dari Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Negeri Sabah dan En. Mohamad Syukri bin Haron dari Pusat Geospatial Negara meraih tempat ketiga. Setiap pemenang menerima hadiah wang tunai beserta sijil penyertaan sebagai penghargaan atas usaha dan kreativiti mereka. Johan menerima RM300, naib johan RM200 dan tempat ketiga RM100. Selain itu, dua (2) hadiah saguhati bernilai RM50 setiap satu (1) turut diberikan kepada peserta lain yang telah menunjukkan prestasi yang baik.

Penyampaian hadiah telah diadakan dalam Majlis Kemuncak Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 pada 2 September di Dewan Damar Sari, Kompleks F8, Putrajaya yang disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Sayembara ini diharap dapat terus memperkukuh semangat cintakan negara dan alam sekitar dalam kalangan penjawat awam, selaras dengan tema "Lestari Kehijauan Merdeka".



Johan Sayembara Deklamasi Sajak



Pemenang naib johan diwakili oleh rakan sekerja



Tempat ketiga Sayembara Deklamasi Sajak



Pemenang hadiah Saguhati



Pemenang hadiah Saguhati

# PUSPANITA

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | 18 DISEMBER 2024 | MAJLIS PERPISAHAN YBHG. TO' PUAN AZILA BINTI MOHD HASSAN, TIMBALAN PENGERUSI I PUSPANITA JPSM |

**MAJLIS PERPISAHAN YBHG. TO' PUAN AZILA BINTI MOHD HASSAN, TIMBALAN PENGERUSI I PUSPANITA JPSM**

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

**KUALA LUMPUR, 18 DISEMBER 2024**

Majlis Perpisahan YBhg. To' Puan Azila binti Mohd Hassan, Timbalan Pengerusi I PUSPANITA JPSM telah diadakan di Dewan Damar Minyak, JPSM pada 18 Disember 2024 (Rabu). Tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan kepada YBhg. To' Puan Azila binti Mohd Hassan dan pada masa yang sama mengumpulkan ahli-ahli PUSPANITA yang terdiri daripada isteri-isteri dan kakitangan JPSM.

Turut hadir pada majlis ini YBhg. Datin Dr. Siti Arbaiyah bt Mun Sarikh, Pengerusi PUSPANITA JPSM dan YBhg. Datin Siti Hajal bt Ahmad, Timbalan Pengerusi II PUSPANITA JPSM bersama AJK tertinggi dan ahli-ahli PUSPANITA JPSM. Selamat bersara diucapkan kepada YBhg. To' Puan Azila binti Mohd Hassan dan segala bakti serta sokongan To' Puan amat dihargai oleh semua ahli PUSPANITA JPSM.




Sesi Bergambar Kenangan bersama AJK dan Ahli PUSPANITA JPSM




YBhg. To' Puan bergambar kenangan bersama AJK
Tertinggi PUSPANITA JPSM

# UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

# JULAI-DISEMBER 2024

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Tinta INTEGRITI
BIL. 7/2024





JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

# LARANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH KEPADA PENJAWAT AWAM

**" Dadah berbahaya" ertinya apa-apa dadah atau bahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Merbahaya 1952**

## Peraturan 7(1)

Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971) atau menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya.

## Peraturan 7(2)

Jika seseorang pegawai perubatan kerajaan memperakui bahawa seseorang pegawai menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya, pegawai itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja.




**Rujukan : Peraturan 7 (1) dan 7(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)(Pindaan) 2002**

**UNIT INTEGRITI PERHUTANAN**

Tinta INTEGRITI

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

BIL. 8/2024



# TUGAS KAWALAN DAN PENGAWASAN KETUA JABATAN/PENYELIA

**Ketua Jabatan/Penyelia bertanggungjawab memastikan setiap pegawai dibawah seliaan masing-masing untuk memahami, menghayati dan mematuhi peraturan-peraturan berdasarkan tatakelakuan pegawai awam seperti diperuntukan di bawah :**
**Peraturan 4, Peraturan-peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib)1993, [ P.U.(A) 395/1993 ]**







**Ketua Jabatan/penyelia bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan melaporkan sebarang pelanggaran tatakelakuan, aku janji atau peraturan yang berkuatkuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan.**

**Ketua jabatan/penyelia yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah : Peraturan 3C (1) dan (2) P.U.(A) 246 [2002]**



UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

# Tinta INTEGRITI



JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

BIL. 9/2024

## SEK. 18 AKTA SPRM 2009
## KESALAHAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN / TUNTUTAN PALSU


**Contoh-contoh kesalahan dokumen / tuntutan palsu :**




**Bahan api**




**Sijil Cuti Sakit / Perubatan**



**Sebutharga / Tender**



**Elaun Lebih Masa**




**TNT**



**Tuntutan Elaun Pindah**

## DI BAWAH SEKSYEN 18 AKTA SPRM 2009

**Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda RM10,000 atau 5 kali nilai tuntutan mana-mana yang lebih tinggi**

UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

Tinta INTEGRITI

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

BIL. 10/2024

# SUDAHKAH ANDA MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA?

## Merujuk kepada : [Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2002]

## BILAKAH ANDA PERLU MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA?

1. Lantikan pertama ke dalam perkhidmatan awam





2. Memperolehi harta baru

3. Pelupusan harta






4. Dikehendaki oleh kerajaan




5. Setiap lima (5) tahun

**KEGAGALAN MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH KESALAHAN 'INGKAR PERINTAH' [PERATURAN 10, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN & TATATERTIB) 1993**

UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

# Tinta INTEGRITI

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

BIL.11/2024

# LINDUNGI RAHSIA KERAJAAN

## MEMBOCORKAN DOKUMEN / MAKLUMAT TERPERINGKAT DAN RAHSIA KERAJAAN ADALAH SATU KESALAHAN DI BAWAH

## PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN & TATATERTIB) 1993 [P.U.(A) 395/1993]




## JIKA DISABITKAN KESALAHAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEHINGGA HUKUMAN BUANG KERJA

**UNIT INTEGRITI PERHUTANAN**

# TINTA INTEGRITI

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

BIL. 12/2024

# KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

**Pegawai Awam boleh disifatkan sebagai berada di dalam keterhutangan kewangan yang serius sekiranya agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagar pada bila-bila masa tertentu melebihi enam kali nilai emolumen bulanannya.**




## KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS ADALAH SUATU KESALAHAN TATATERTIB

**PERATURAN 13, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993,P.U.(A) 395/1993**

# Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488  Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: http://www.forestry.gov.my